



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



3rd Issue

VOLUME 2

OCTOBER 2024

UiTM MUKAH BULLETIN

Inov Dengan UiTM Mukah?

HIGHLIGHTS:

- Pasukan Debat UiTM Mukah Terus Unggul di Pertandingan Debat Piala Rektor
- Program Kerjaya Pertanian dalam Industri Sagu
- UiTM Mukah Rakan Strategik Utama Jom Masuk U (JMU) 2024 Zon Sarawak II, Sibul
- Impact Digital Community Tourism (IDCT) Mini Showcase
- SULAM AGA109: Ke Arah Memperlengkap Kebolehpasaran Pelajar AT122 Dengan Aktiviti Khidmat Komuniti






TABLE OF CONTENT

01.

From Deputy Rector's Desk

02.

From Assistant Rector's Desk

03.

Chief Editor's Note

04.

Editorial Board

05.

Highlights

11.

News and Articles

44.

Creative Writing

52.


Thank You

53.

Congratulations!

66.

Press and Media Coverage





FROM

DEPUTY RECTOR'S DESK



Assalamualaikum to all loyal readers of *Inou Dengah UiTM Mukah?*, it is with great pleasure and a sense of immense pride that I welcome you to the Third Issue of *Inou Dengah UiTM Mukah?*. As the Deputy Rector (Academic & International Affairs) of this esteemed institution, I am profoundly honored to introduce this publication, which stands as a testament to our unwavering commitment to academic excellence, innovation, and the holistic development of our students.

In the rapidly evolving landscape of higher education, staying at the forefront of knowledge and pedagogy is imperative. This bulletin serves as a chronicle of our collective efforts to not only keep pace with the changing times but to also set new benchmarks in the pursuit of knowledge. Through these pages, you will find a tapestry of accomplishments, scholarly pursuits, and transformative experiences that define our university community.

Our university has always been more than just a place of learning; it is a vibrant hub of intellectual curiosity, creativity, and inclusivity. In this edition, you will discover the inspiring stories of our students, faculty, and alumni who have not only excelled in their respective fields but have also contributed significantly to society. Their achievements are a reflection of the nurturing environment we provide, one that encourages innovation, critical thinking, and social responsibility.

I would like to extend my heartfelt gratitude to the faculty, staff, students, and alumni whose relentless dedication and passion have contributed to the university's growth and success. Your hard work and determination are the driving force behind our accomplishments, and I am confident that together, we will continue to scale new heights of excellence.

To the readers, I encourage you to explore the diverse array of academic programs, research initiatives, and extracurricular activities highlighted in this bulletin. Whether you are a prospective student, a parent, an alum, or a well-wisher, I hope that this publication provides you with valuable insights into the transformative educational journey that awaits those who become part of our university.

Thank you for your continued support and enthusiasm. I invite you to join us in our mission to create a better future through education, research, and community engagement. I hope all of you would enjoy reading the Third Issue of *Inou Dengah UiTM Mukah?*.

Warm regards.

Associate Professor Ts. ChM. Dr. Mohammad Isa Mohamadin
Deputy Rector (Academic & International Affairs)
Exercising the Functions of Rector
Universiti Teknologi MARA Sarawak Branch





FROM

ASSISTANT RECTOR'S DESK



It is delighted to acknowledge the editorial team's diligent efforts in successfully releasing the Third Edition (Volume 2) of *Inou Dengah UiTM Mukah?*. Congratulations to the editorial team, who put extra effort into ensuring everything went smoothly. It is an honour to witness the launch of this latest edition of our campus bulletin, a testament to the team's dedication to quality and excellence.

Inou Dengah UiTM Mukah? serves as an excellent platform for staff members to refine their writing skills and express their thoughts creatively. It serves as a space for them to showcase their ability to communicate ideas effectively and engage meaningfully with readers.

Despite the challenge of balancing numerous professional responsibilities, the editorial team has demonstrated exceptional commitment, resilience, and perseverance. Their capacity to maintain focus and dedication amidst demanding schedules is truly admirable and reflects their professionalism and teamwork. The dedication they have shown in bringing this edition to fruition deserves the highest praise.

Congratulations to all the authors who contributed their insightful articles to this volume, and heartfelt appreciation to the entire editorial team for a job exceptionally well done. Your efforts have once again made *Inou Dengah UiTM Mukah?* a remarkable publication that upholds the values and excellence of our campus.

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Assistant Rector
UiTM Sarawak Branch Mukah Campus





CHIEF EDITOR'S NOTE



Assalamualaikum and greetings to all readers and writers of the respected *Inou Dengah UiTM Mukah?*.

First of all, let me take this opportunity to express my most profound appreciation and many thanks to all the writers who have contributed high-quality articles to the October 2024 Issue of *Inou Dengah UiTM Mukah?*. Your cooperation and dedication have made this bulletin a platform rich in knowledge and inspiration.

It cannot be denied that every article published results from hard work and unwavering commitment from all the writers. Every line of words written reflects your dedication to the spread of knowledge and valuable information to our society. For that, I am very grateful and hope that this spirit will be maintained in the future.

It is my hope that this *Inou Dengah UiTM Mukah?* will not only be an informative reading resource, but also a catalyst for everyone to continue writing and sharing knowledge. I am confident that with the existence of this platform, it can stimulate our minds and spirits to continue creating and sharing thoughtful ideas.

Once again, thanks to everyone involved in producing the bulletin in this volume. Let us continue together to make this *Inou Dengah UiTM Mukah?* a very useful bulletin that provides information about all the activities and successes that the people of UiTM Sarawak Branch Mukah Campus have achieved.

Thank you.

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor





EDITORIAL

BOARD



Associate Professor Ts. ChM. Dr. Mohammad Isa Mohamadin
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**

Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph

Ms. Cindy Robert

Ms. Fakhira Jafri

Mr. Shileyusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 28 October 2024

HIGHLIGHTS

Pasukan Debat UiTM Mukah Terus Unggul di Pertandingan Debat Piala Rektor

Penulis: Muhammad Shahimi Ariffin, Mohd Zuhaili Kamal Basir dan Awang Razin Awg Baderulhisam

Pada 27 Jun 2024, Kelab Debat UiTM Mukah telah menghantar dua pasukan debat yang diberi julukan sebagai pasukan Kampus A dan pasukan Kampus B iaitu masing-masing mewakili Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) dan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA). Objektif penyertaan ini adalah untuk mencabar sekaligus bagi mengekalkan kejuaraan tahun sebelumnya dalam Pertandingan Debat Piala Rektor. Pertandingan ini berlangsung pada 27 hingga 29 Jun 2024 iaitu bertempat di UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2.



Secara keseluruhannya pertandingan ini telah berjaya menarik penyertaan sebanyak 13 fakulti termasuk sebuah kampus yang mewakili dua pasukan mewakili pusat pengajian masing-masing. Pasukan debat UiTM Mukah telah diiringi oleh Ust. Mohd Zuhaili Kamal Basir selaku pegawai pengiring merangkap penasihat kelab. Kekuatan pasukan debat Kampus A dibarisi oleh Sdr. Awang Razin bin Awg Baderulhisam, Sdr. Muhammad Azirul Hazmil bin Mohamad Bakri, Sdr. Mohamad Zarif Hamzi bin Baharnuddin dan Sdr. Abang Muhammad Harith bin Abang Kiprawi manakala pasukan debat Kampus B pula diwakili oleh Sdr. Benedict Salang Anak Bilong, Sdri. Ain Zaireena binti Zaidi dan Sdri. Dayang Norayuni binti Awang Basuni.

Saingan yang sengit oleh kedua-dua pasukan debat UiTM Mukah akhirnya membawa kepada pasukan debat Kampus A melepasi peringkat saringan, suku akhir, separuh akhir dan sekaligus dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan dengan membawa pulang piala pusingan berserta wang tunai. Tidak sekadar itu, pendebat terbaik juga turut dinobatkan kepada salah seorang pasukan debat Kampus A iaitu Sdr. Abang Muhammad Harith bin Abang Kiprawi. Pertandingan Debat Piala Naib Canselor dijangka akan berlangsung sekitar bulan Ogos 2024 nanti. Diharapkan momentum kejayaan ini dapat dikekalkan oleh pasukan debat kita nanti!



HIGHLIGHTS

Program Kerjaya Pertanian dalam Industri Sagu

Penulis: Muhamad Nasarudin Sulaiman



Poster program

MUKAH, 3 Mei 2024 – D'Planters' Guild, yang merupakan persatuan pelajar di bawah Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi UiTM Kampus Mukah telah menganjurkan "Program Kerjaya Pertanian dalam Industri Sagu" yang bertempat di Dewan Sri Balau, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah. Program yang berlangsung selama separuh hari itu telah berjalan dengan jayanya dan mendapat sambutan yang menggalakkan yang mana terdapat seramai 200 orang peserta menyertai dan terdiri daripada barisan pelajar dan staf daripada Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi dan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Mukah. Turut serta dalam memeriahkan program ini adalah pelajar dan staf jemputan daripada institusi Centre for Technology Excellence Sarawak (CENTEXS) Mukah.

Antara tujuan program ini dianjurkan adalah untuk memberi pendedahan tentang industri sago kepada para belia terutamanya pelajar-pelajar Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Kampus Mukah. Industri sago dilihat sebagai sektor tempatan yang agak kritikal terutamanya dari perspektif pekerja baharu yang akan menjadi pelapis kepada industri sago ini. Oleh sebab itu, satu penyelidikan bagi mengkaji penglibatan belia dalam sektor industri sago telah digunakan untuk laporan penilaian penglibatan industri. Elemen penyelidikan ini adalah melibatkan taklimat kerjaya dan pendedahan kepada belia dalam industri sago. Belia merupakan antara golongan sasaran yang terlibat dalam penyelidikan ini termasuklah mereka yang sedang mengikuti kursus berteraskan perladangan dan pertanian di Sarawak.



Sesi bergambar bersama tetamu dan semua peserta yang hadir

HIGHLIGHTS

Program Kerjaya Pertanian dalam Industri Sagu (samb)



Sesi penyampaian cenderamata kepada tetamu jempunan Encik Peter Stanley Howell daripada CRAUN Research, Mukah

Menurut Encik Muhamad Nasarudin Sulaiman selaku penasihat utama program ini, para pelajar UiTM Kampus Mukah dan CENTEXS Mukah mendapat manfaat kerana mereka menghadiri taklimat dan mendapatkan pendedahan yang jelas mengenai industri sagu. Tambahan pula, program ini juga memberi pendedahan berkaitan peranan belia dalam memperkasakan industri sagu di Sarawak untuk masa kini dan yang akan datang.

Selain itu, Cik Nur Ain Abu Bakar yang merupakan penasihat bersama bagi program ini menyatakan bahawa program ini juga telah disulami dengan analisis tentang demografi belia yang berpotensi terlibat dalam industri sagu agar rekod profiling belia dapat disediakan bagi mengenal pasti prospek penglibatan belia dalam industri sagu di Sarawak.

Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Ybrs. Dr Yusman Yacob selaku Ketua Penyelidik bagi Geran Penyelidikan Assessment On Youth Participation In Sago Industry In Sarawak. Program ini juga diserikan lagi dengan kehadiran tetamu jempunan khas daripada industri sagu iaitu Encik Peter Stanley Howell daripada CRAUN Research, Mukah. Sesi kuiz dan cabutan bertuah turut dijalankan bagi meraikan semua peserta yang hadir dalam program tersebut.

Secara kesimpulannya, program ini telah memberi pendedahan yang luas dan pengalaman yang amat bernilai tentang perindustrian sagu kepada semua peserta yang hadir, sekali gus mampu menarik minat belia dalam penglibatan industri sagu di Sarawak.

UiTM MUKAH RAKAN STRATEGIK UTAMA JOM MASUK U (JMU) 2024 ZON SARAWAK II, SIBU

Penulis: Arif Azizi bin Che Harun dan Nur Nadia Qausar binti Juhari

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi (BKPA, JPT) telah menganjurkan Program Jom Masuk U 2024 (JMU 2024) Zon Sarawak II, Sibu pada 18 dan 19 Mei 2024 bertempat di Dewan Naib Canselor Tun Abdul Taib Mahmud, University of Technology Sarawak (UTS), Sibu yang diuruskan oleh Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak Kampus Mukah selaku rakan strategik bersama.

Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk mempromosikan serta menyebarkan luas peluang Pendidikan tinggi ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Program ini merupakan satu inisiatif BKPA, JPT dengan kerjasama baik antara universiti-universiti awam di seluruh Malaysia. Seramai 4685 orang pelajar lepasan SPM, STPM, pelajar sekolah, ibu bapa, guru-guru dan orang awam di sekitar Sibu, Mukah, Bintulu, Sarikei, Betong dan Sri Aman telah mengunjungi program ini dan mendapatkan maklumat yang terperinci berkenaan dengan program-program yang ditawarkan oleh lebih 50 universiti awam, politeknik, kolej komuniti, pusat latihan dan agensi-agensi berkaitan sepanjang program ini berlangsung.



Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Annuar bin Rapa'ee, Timbalan Menteri Pendidikan I (Pendidikan Tinggi dan Inovasi), Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak mewakili Yang Berhormat Dato Sri Roland Sagah Wee Inn, Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak dan disaksikan oleh YBrs. Encik Mohd Zaffwan bin Ab Ghafar, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi, serta YBrs. Prof. Madya Ts. ChM. Dr. Mohammad Isa Mohamad, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa, yang menjalankan fungsi Rektor UiTM Cawangan Sarawak.



HIGHLIGHTS

IMPACT DIGITAL COMMUNITY TOURISM (IDCT) MINI SHOWCASE


Penulis: Noraini Sa'ait, Siti Farah Lajim, Agnes Kanyan, Yusman Yacob dan Pengiran Saifudzin Pengiran Mahtar

Bersempena dengan program Impact Digital Community Tourism (IDCT), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah mengadakan Mini Showcase yang bertemakan Mukah, Home of Sago. Program yang berlangsung selama dua (2) hari bermula dari 3 sehingga 4 Ogos 2024 ini telah dilaksanakan oleh lima (5) orang pelajar Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Kumpulan pelajar yang dinamakan sebagai The Explorer ini telah dibimbing oleh seorang mentor iaitu Puan Noraini Binti Sa'ait, pensyarah UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Pelajar yang terlibat adalah Awang Razin bin Awg Baderulhisam, Wan Farah Nurina binti Wan Ahmadi, Sharifah Nur Afiah binti Wan Morshidi, Sally Deborah anak Danes dan Fadzreen binti Mustapha.

Antara objektif utama program IDCT yang telah dijalankan sejak Oktober 2023 ini adalah untuk meningkatkan pelancongan komuniti melalui penjenamaan, kedatangan pelancong dan penghasilan pendapatan. Program IDCT ini melibatkan 16 pasukan yang terdiri daripada beberapa universiti awam dan kolej komuniti di Sabah dan Sarawak. Pasukan The Explorer memilih Mukah sebagai lokasi untuk diketengahkan dengan fokus utamanya adalah "Makanan Berasaskan Sagu". Pemilihan ini adalah berdasarkan produk makanan tradisional di Mukah kebanyakannya dihasilkan daripada pokok balau yang juga dikenali sebagai pokok rumbia atau pokok sago.

Mini Showcase yang telah diadakan ini mempamerkan hasil tangan pelajar dalam membantu komuniti setempat untuk memasarkan produk makanan berasaskan sago seperti sago, linut, tebaloi, kuih sepi, tepung lemantak, cendol lemantak dan sebagainya. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan termasuk pemasaran melalui tiktok "Home of Sago", website, dan flipbook bagi memaksimumkan perkongsian. Pelbagai aktiviti juga telah dijalankan sepanjang Mini Showcase ini seperti pelbagai permainan menggunakan sago dan juga cabutan bertuah. Melalui program IDCT ini, pelajar telah berjaya memanfaatkan ilmu yang telah dipelajari dengan memberikan khidmat kepada komuniti setempat.

Program ini juga telah menerima kunjungan ahli dewan undangan negeri (ADUN) N.57 Tellian, Yang Berhormat Encik Royston Valentine. Beliau menzahirkan sokongan ke atas usaha yang dibuat oleh para pelajar ini, dan berharap agar usaha ini diteruskan dari masa ke semasa. Semoga dengan usaha ini dapat menaikkan nama Mukah agar lebih dikenali di serata dunia, dan meraih minat pengunjung luar untuk datang ke Mukah bagi merasakan sendiri pengalaman menikmati makanan tradisional masyarakat Melanau Mukah, di samping melihat keindahan tempat dan budaya masyarakat di sini.



Poster hebahan IDCT Mini Showcase



Merakam kenangan bersama YB Royston Valentine



YB Royston ketika melawat booth IDCT Mini Showcase

HIGHLIGHTS

SULAM AGA109: KE ARAH MEMPERLENGKAP KEBOLEHPASARAN PELAJAR AT122 DENGAN AKTIVITI KHIDMAT KOMUNITI

Penulis: Nurain Johar, Nurul Syahirah Mansur, Hazfina Mohamed Idris dan Nur Nadia Qausar Juhari

Pelajar semester dua daripada program Diploma Teknologi Pengeluaran Herba (AT122) UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah, telah mengadakan Program Service-Learning Malaysia University for Society (SULAM) pada 29 Jun 2024 bertempat di Sekolah Kebangsaan Kampung Senau, Oya. Projek komuniti yang bertemakan "Dokumentasi Herba dan Kepentingannya" ini disesuaikan dengan kursus AGA109 (Etnobotani Tumbuhan Herba) yang dipelajari oleh pelajar pada semester Mac-Ogos 2024. Pensyarah subjek, Cik Nurul Syahirah, telah menggabungkan objektif pembelajaran kursus dengan khidmat komuniti di mana pelajar perlu berinteraksi dengan komuniti tempatan untuk berkongsi ilmu mengenai tumbuhan herba.

Program ini dijalankan sepenuhnya oleh pelajar AT122 dengan pemantauan rapat daripada tiga pensyarah lain, iaitu Cik Nurain, Cik Hazfina, dan Puan Nadia, yang bertindak sebagai jawatankuasa pengelola. Program ini dihadiri oleh pelajar tahun 4 hingga 6, guru-guru sekolah, serta wakil PIBG. Lima aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang dilaksanakan termasuk "Kegunaan Tumbuhan Herba", Herbal Plant Pressing, Herbal Plant Labelling, dan "Pengenalpastian Tumbuhan Herba" melalui morfologi dan anatomi. Aktiviti-aktiviti ini memberikan pendedahan awal kepada peserta tentang kepentingan tumbuhan herba serta menarik minat mereka terhadap bidang sains dan teknologi.

Majlis penutupan telah diadakan pada sebelah petang, dimulakan dengan ucapan aluan daripada Ketua Pusat Pengajian Sains, Perladangan & Agroteknologi, Encik Muhamad Syukrie Haji Abu Talip. Majlis turut diserikan dengan kehadiran YDP PIBG SK Kampung Senau, Puan Fatimah Jali, dan Ketua Unit Korporat UiTMCS Kampus Mukah, Encik Mohd Shafik Mohd Samsi. Guru Besar SK Kampung Senau, Tuan Hambli Rabi, turut menyampaikan ucapan penutupan sebelum majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata dan hadiah kepada para peserta.

Berdasarkan maklum balas, majoriti peserta memberikan respons yang positif terhadap program SULAM ini, dan ramai yang menyatakan minat untuk melihat program serupa diadakan lagi pada masa hadapan kerana mereka lebih memahami kepentingan tumbuhan herba selepas mengikuti aktiviti ini.



Para peserta dan ahli jawatankuasa bergambar bersama tetamu jemputan selepas majlis perasmian penutupan



Peserta teruja menjalankan aktiviti LDK bersama barisan fasilitator daripada kalangan pelajar AT122

PROGRAM PENDIDIKAN KEWANGAN BELIA (YOUTH ENGAGEMENT PROGRAM)

Penulis: Noor Emma Shamsuddin, Agnes Kanyan, Siti Farah Lajim, Yusman Yacob dan Noraini Sa'ait

Pada 7 Jun 2024 (Jumaat), bertempat di Dewan Sri Balau dari pukul 8 pagi hingga 5 petang, MASMED Mukah dengan kerjasama pihak Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) telah berjaya mengadakan Program Pendidikan Kewangan Belia. Seramai 51 orang pelajar dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan serta Fakulti Perladangan dan Agroteknologi telah menyertai program ini. Kos untuk menjalankan aktiviti ini telah ditanggung sepenuhnya oleh pihak PAMB. Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan dan mempelbagaikan sumber pendapatan dalam kalangan mahasiswa/mahasiswi, selaras dengan usaha jangka masa panjang Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mewujudkan generasi muda yang bijak dari segi kewangan dan bertanggungjawab.



Aktiviti Program Pendidikan Kewangan Belia



Poster hebahan Program Pendidikan Kewangan Belia

Antara pengisian aktiviti yang telah diadakan dalam program ini ialah Cash Flow Game, pengenalan kepada PRUKasih Aman dan seminar kewangan. Cash Flow Game merupakan permainan simulasi yang bertujuan untuk mengajar peserta tentang pengurusan aliran tunai dan membuat keputusan kewangan yang bijak. Pengenalan kepada PRUKasih Aman pula memberi penjelasan terperinci mengenai produk perlindungan insurans yang ditawarkan oleh PRUKasih. Seterusnya, seminar yang dijalankan membincangkan topik-topik kewangan yang relevan dan memberikan panduan praktikal untuk pengurusan kewangan peribadi.

Program ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada peserta yang terlibat, terutamanya tentang konsep kewangan yang penting dan cara-cara untuk mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Ia sememangnya meninggalkan kesan yang positif kepada mahasiswa/mahasiswi dan memotivasikan peserta untuk mengurus kewangan mereka dengan lebih baik. Semoga program seumpamanya dapat diteruskan pada masa hadapan.

PESTA RETRO UiTM NIGHT BAZAAR SIRI 2

Penulis: Siti Farah Lajim, Dr. Yusman Yacob, Agnes Kanyan, Noor Emma Shamsuddin dan Noraini Sa'ait

Unit MASMED, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah, sekali lagi berjaya menganjurkan Pesta Retro UiTM Night Bazaar Siri 2 pada 21 hingga 22 Mei 2024. Bertempat di Takan Berambih, UiTM Kampus Mukah, acara ini berlangsung dari pukul 2:00 petang sehingga 11:00 malam. Seperti siri yang lepas, pesta ini bertujuan untuk menggalakkan keusahawanan dalam kalangan pelajar UiTM dan menyediakan platform kepada usahawan tempatan untuk mempromosikan produk mereka. Selain itu, pesta ini juga berperanan dalam mengeratkan hubungan antara UiTM dan komuniti setempat.



Poster hebahan Pesta Retro UiTM Night Bazaar Siri 2



Para pengunjung yang datang memeriahkan Pesta Retro UiTM Night Bazaar Siri 2

Dengan lebih daripada 30 gerai yang menawarkan pelbagai produk seperti makanan, pakaian, aksesori, dan barangan lain, pesta ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada warga UiTM dan pengunjung luar. Selain gerai jualan, pelbagai jenis aktiviti yang turut dianjurkan untuk memeriahkan lagi suasana pesta, termasuk pertandingan karaoke terbuka, busking, open mic, persembahan live band, jualan amal MASMED, dan lain-lain. Pertandingan karaoke terbuka ini juga akan diteruskan ke Night Bazaar Siri 3, di mana 10 peserta yang terpilih semasa saringan akan bersaing untuk merebut gelaran juara.

Dengan berakhirnya Pesta Retro UiTM Night Bazaar Siri 2, kita bukan sahaja meraikan kejayaan dalam mempromosikan keusahawanan pelajar dan produk tempatan, tetapi juga mengukuhkan lagi ikatan antara UiTM dan komuniti Mukah. Ini juga menunjukkan komitmen UiTM dalam memperkasakan ekonomi tempatan serta menggalakkan pertumbuhan industri kecil dan sederhana di kawasan Mukah, Sarawak.



Poster hebahan Pesta Rock & Roll UiTM Night Bazaar Siri 3

Pesta ini telah dimeriahkan dengan 33 jenis gerai yang terdiri daripada usahawan tempatan Mukah dan para pelajar UiTM Kampus Mukah. Mereka menawarkan pelbagai produk jualan yang menarik seperti makanan, pakaian, aksesori, dan lain-lain. Selain gerai jualan, pelbagai aktiviti turut diadakan untuk memeriahkan suasana pesta seperti pertandingan karaoke peringkat akhir, persembahan live band oleh D'Sanglau Jr., sesi karaoke santai, jualan amal MASMED, dan banyak lagi. Acara kemuncak adalah pertandingan karaoke peringkat akhir di mana 10 peserta bersaing untuk merebut gelaran juara.

Kesimpulannya, Pesta Rock & Roll UiTM Night Bazaar Siri 3 bukan sekadar satu acara jualan, tetapi juga mencerminkan semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar UiTM dan memberi peluang kepada usahawan tempatan untuk berkembang. Dengan menyediakan platform jualan seperti ini, ia telah memperlihatkan potensi usahawan muda dan produk-produk tempatan kepada masyarakat. Diharapkan kejayaan penganjuran pesta ini akan terus memberi inspirasi untuk menganjurkan program yang bermanfaat pada masa yang akan datang, serta mengukuhkan hubungan di antara komuniti UiTM dengan masyarakat setempat.

PESTA ROCK & ROLL UiTM NIGHT BAZAAR SIRI 3

Penulis: Siti Farah Lajim, Dr Yusman Yacob, Agnes Kanyan, Noor Emma Shamsuddin dan Noraini Sa'ait

Pada 7 Jun 2024 sehingga 9 Jun 2024, Unit MASMED UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah sekali lagi mencatat kejayaan dengan mengadakan program Pesta Rock & Roll UiTM Night Bazaar Siri 3 yang telah diadakan di Takan Berambih, UiTM Kampus Mukah. Acara yang bermula dari pukul 2 petang sehingga 11 malam telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari pengunjung, baik dari kalangan mahasiswa mahupun masyarakat umum. Seperti siri sebelumnya, pesta ini bukan sahaja bertujuan untuk menggalakkan semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar UiTM, tetapi juga memberikan peluang kepada usahawan tempatan untuk mempromosikan produk-produk mereka. Pesta ini juga dijadikan sebagai platform untuk mengeratkan hubungan antara UiTM dengan komuniti setempat.



Kemeriahan suasana semasa Pesta Rock & Roll UiTM Night Bazaar Siri 3

LAWATAN PEMBANGUNAN KERJAYA KE CENTEXS MUKAH

Penulis: Dayang Hummida Abang Abdul Rahman dan Siti Faridah Kamaruddin

Satu lawatan pembangunan kerjaya telah dijalankan pada 15 Jun 2024 oleh pelajar-pelajar Diploma Pengurusan Perniagaan (BA111) dan Diploma Perbankan (BA119) dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. Seramai 131 orang pelajar dari Semester 4 dan 5, bersama dengan 3 orang pensyarah pengiring, telah menghadiri taklimat kerjaya tersebut di Multipurpose Hall CENTEXS Mukah.



Para pensyarah UiTM Mukah bersama wakil CENTEXS Mukah

Lawatan pembangunan kerjaya ini diadakan bagi mempromosikan kepada siswa dan siswi tentang adanya kolaborasi antara UiTM Mukah dan institusi lain seperti CENTEXS Mukah. Kolaborasi ini amat penting kerana ia memberi manfaat kepada siswa dan siswi UiTM Mukah dalam mempersiapkan diri dengan kemahiran tambahan yang akan menjadikan graduan lepasan UiTM sebagai pilihan utama majikan dan industri dengan menyertai program seperti kursus jangka pendek kelolaan CENTEXS Mukah yang menyasarkan golongan sasaran seperti pelajar Diploma dari UiTM Mukah. Kursus jangka pendek ini akan diadakan pada cuti semester setelah semester Mac – Ogos 2024 ini berakhir.



Kumpulan pelajar bergambar kenangan selepas sesi taklimat di Multipurpose Hall CENTEXS Mukah

Semasa lawatan, para pelajar telah menerima taklimat pengenalan mengenai fasiliti dan kemudahan yang tersedia di CENTEXS. Pihak CENTEXS juga telah mempromosikan kemahiran tambahan kepada para pelajar sebagai persiapan awal untuk menyertai kursus jangka pendek yang dijangka akan berlangsung pada cuti semester Ogos hingga Oktober 2024 kelak. Selain itu, lawatan ini juga memberikan pendedahan awal mengenai kemahiran tambahan dan pengalaman yang bakal ditimba oleh siswa dan siswi BA111 dan BA119 yang tidak mempunyai Latihan Industri (LI). Lawatan yang berlangsung selama 5 jam ini telah berjaya meningkatkan minat para pelajar untuk mengambil bahagian dalam kursus jangka pendek pada masa akan datang.

BENGGKEL MALAM PERSEDIAAN UJIAN PENILAIAN STATISTIK

Penulis: Muhammad Zulkhairi Zakariah dan Puteri Faida Alya Zainuddin



Prof. Madya Dr. Tang sedang memantau jawapan peserta

Matlamat utama bengkel ini adalah untuk membantu para pelajar terpilih mempersiapkan diri dan memberikan bimbingan tambahan sebelum menghadapi ujian penilaian kursus Introduction to Statistics (STA104). Bengkel dimulakan dengan sesi motivasi ringkas sebagai dorongan kepada peserta. Seterusnya, penceramah memberi penerangan mengenai format ujian penilaian yang dijadualkan pada 21 Jun 2024, serta menekankan rumus, bentuk soalan, dan strategi menjawab soalan dengan berkesan.

Para peserta telah dibekalkan dengan modul ringkas yang mengandungi nota, formula, dan dua set soalan. Mereka dikehendaki menjawab soalan-soalan daripada set pertama dalam masa yang ditetapkan, manakala set kedua diberikan sebagai latihan tambahan. Setelah setiap soalan dijawab, penceramah membincangkan penyelesaian bersama peserta. Peserta juga disediakan jamuan ringan yang dibiayai oleh Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA) UiTM Cawangan Sarawak. Secara keseluruhannya, bengkel ini memberi impak positif kepada pelajar, dan diharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang.




Penceramah kedua sedang khusyuk membantu pelajar memahami pelajaran

WEBINAR AKADEMIK FIN 367: BANK LENDING ASSESSMENT AND MANAGEMENT

Penulis: Joycelyne Nyandang

Pada 12 Jun 2024 yang lalu, Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menganjurkan Webinar Akademik bagi kod kursus FIN367 (*Bank Lending Assessment and Management*). Seramai 12 orang pelajar semester 5 dari program Diploma Pengajian Perbankan (BA119) telah menghadiri webinar akademik ini.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mendedahkan para pelajar kepada proses-proses kredit dalam dunia perbankan sebenar, serta membantu mereka memahami selok-belok dunia perbankan terutamanya dalam pemberian kredit atau pinjaman kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) di dalam negara. Webinar ini dikendalikan oleh moderator yang terdiri daripada 2 orang pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan, termasuk pensyarah bagi kod kursus ini.



Sesi fotografi bersama Penceramah Jemputan dan Peserta

Sesi webinar diketuai oleh penceramah Encik Rostance Asit, Pegawai Kredit dari Agrobank Sarawak Cawangan Kuching, yang mempunyai pengalaman lebih dari 5 tahun dalam bidang pinjaman kredit di beberapa institusi kewangan terkemuka di Kuching.

Webinar yang berlangsung dari 2.30 petang hingga 5:00 petang ini turut melibatkan interaksi aktif para pelajar melalui sesi soal jawab. Ini memberi keyakinan kepada para pelajar untuk lebih bersedia menjawab soalan peperiksaan akhir mereka nanti.

Webinar ini memberikan banyak informasi dan ilmu kepada pelajar untuk menguasai konsep pinjaman kredit kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) serta dunia perbankan sebenar. Pencerahan yang jelas daripada penceramah juga membantu pelajar memahami beberapa terma perbankan yang mereka pelajari di waktu kuliah. Webinar ditutup dengan sesi fotografi.



Antara slaid penceramah jemputan, Encik Rostance Asit yang memberi penerangan topik kepada para pelajar

NEWS AND ARTICLES

KEMPEN KESEDARAN E-WASTE KE ARAH KELESTARIAN KAMPUS: “KELESTARIAN KAMPUS BERMULA DARI KITA”

Penulis: **Juriah binti Japar dan Adlina Zahwa binti Abdul Rahman**

Sejajar dengan Hari Bumi Sedunia yang telah diadakan pada 5 Jun 2024, tanggal 8 Jun 2024 iaitu pada hari Sabtu, seramai 30 pelajar Kokurikulum Khidmat Masyarakat (HGD133) dan Puan Juriah Japar sebagai jurulatih telah menganjurkan Kempen Kesedaran Kitar Semula E-Waste Ke Arah Kelestarian Kampus. Dengan bertemakan Kelestarian Kampus Bermula Dari Kita, kempen ini telah disertai oleh pelajar, staf, warga kampus dan orang ramai sekitar kawasan Mukah. Ketua projek untuk kempen ini adalah Saudari Elezebeart Morren anak Pinggi, pelajar Diploma Pengurusan Ladang dan dibantu oleh Saudari Sylvia Sylvester, pelajar Diploma Pengajian Perbankan.

Kempen ini juga telah berkolaborasi dengan beberapa agensi dari luar dan dalam antaranya pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Daerah Dalat dan Mukah (MDDM), Jabatan Alam Sekitar Cawangan Sib, Jawatankuasa Kelestarian Kampus, Bahagian Pengurusan Fasilitas dan juga konsesi UiTM iaitu KP Mukah Development Sdn Bhd. Tambahan juga, Tung Seng Enterprise merupakan vendor berdaftar di bawah Jabatan Alam Sekitar juga dijemput oleh UiTM bagi kelancaran kempen ini.



Selesai sesi ceramah bersama Jabatan Alam Sekitar Cawangan Sib



Pekerja Tung Seng Enterprise, vendor berdaftar Jabatan Alam Sekitar Cawangan Sib sedang menyusun bahan buangan di dalam lori

Objektif utama bagi kempen ini adalah bagi menyedarkan masyarakat terutamanya para pelajar UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah tentang kepentingan membuang bahan e-Waste dengan cara yang betul dan berhemah.

NEWS AND ARTICLES

KEMPEN KESEDARAN E-WASTE KE ARAH KELESTARIAN KAMPUS: “KELESTARIAN KAMPUS BERMULA DARI KITA” (samb)



Antara barang buangan elektrik dan elektronik yang berjaya dikumpulkan semasa kempen

Kempen ini telah berjaya dilaksanakan dan mencapai matlamat utama iaitu menggalakkan warga kampus dan masyarakat Mukah menghantar barangan buangan berkaitan dengan elektrik dan elektronik. Adalah diharapkan kempen ini akan dapat diteruskan pada setiap semester dalam usaha menyokong pembentukan ekosistem kampus lestari hijau UiTM yang holistik. Kerjasama dan sinergi daripada pelbagai pihak sama ada dari pihak pengurusan UiTM dan juga agensi tempatan yang berkaitan sangat penting dalam usaha meneruskan kempen ini di masa akan datang.

Kempen ini dilaksanakan di dua lokasi iaitu pada Blok Pentadbiran Setia Raja I sebagai lokasi pengumpulan sisa e-Waste manakala sesi ceramah tentang Kesedaran Kelestarian Kampus e-Waste pula telah diadakan di Dewan Sri Balau. Ceramah ini telah disampaikan oleh Encik Muslyman Bin Penie, Penolong Jurutera, Jabatan Alam Sekitar Cawangan Sibu yang telah berkongsi banyak ilmu pengetahuan bagaimana proses e-waste dilakukan dengan perkongsian peraturan dan prosedur mengenai pembuangan barangan elektrik dan elektronik untuk orang awam.

Kempen ini merupakan yang julung kalinya dilaksanakan di UiTM selaras dengan salah satu aktiviti yang menyokong ke arah kelestarian kampus. Kempen ini juga telah banyak mengajar pelajar HGD133 cara mengendalikan program yang melibatkan jemputan masyarakat tempatan. Dengan adanya platform media sosial seperti aplikasi *WhatsApp*, *Facebook* dan *Instagram*, hebahan kempen ini dapat disebar luas. Pihak Majlis Daerah Dalam dan Mukah (MDDM) juga turut membantu menghebahkan kempen ini melalui Radio Sarawak FM.



Jawatankuasa pelaksana program, pelajar diploma semester 2 yang merupakan Pelajar Kokurikulum Khidmat Masyarakat (HGD133)

MKP : MENJUARAI KOMUNITI KAMPUNG KUALA LAMA MUKAH

Penulis: Dr Muhammad Shahimi Ariffin, Abang Shawn Fendi Abang Keprawi, Mohd Zuhaili Kamal Basir dan Joycelyne Nyandang

Modul Kepimpinan Profesional (MKP) adalah merupakan salah satu modul kepimpinan yang dikawal selia oleh Unit Kepimpinan Pelajar (UKP) di bawah kelolaan bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP). Program ini adalah merupakan sebuah program pelengkap kepada dua program iaitu "Modul Kepimpinan Dinamik (MKD)" dan "Modul Kepimpinan Ikon (MKI)". MKP dirangka untuk membolehkan pimpinan mahasiswa terjun ke kancah masyarakat dan menyelami masalah yang dihadapi oleh penduduk setempat.

Terdapat 26 orang pemimpin pelajar yang terdiri daripada pimpinan kelab dan persatuan UiTM Kampus Mukah telah menyertai program ini yang bertariikh 21-23 Jun 2024. Mereka telah terlebih dahulu didedahkan dengan serba sedikit demografi serta latar belakang tentang kampung yang dipilih iaitu Kampung Kuala Lama, Mukah.



Setiap peserta MKP terlebih dahulu berkumpul dan diberikan taklimat penuh tentang tugas yang perlu dilakukan sepanjang tempoh mereka turun ke lapangan. Mereka dibahagikan mengikut kumpulan yang telah ditetapkan oleh ketua fasilitator iaitu Encik Abang Shawn bersama ketua kampung Kuala Lama, Mukah.

Kajian lapangan ini adalah merupakan program kemuncak bagi MKP kerana peserta dikehendaki untuk menyiapkan laporan dan perancangan projek untuk dibentangkan bagi membolehkan program susulan dapat dianjurkan lagi. Tambahan pula, kajian lapangan dijalankan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk Kampung Kuala Lama, Mukah.

Adalah diharapkan agar program ini dapat menjadi penghubung antara IPT dan masyarakat setempat supaya terjalin hubungan yang erat umpama aur dengan tebing.

NEWS AND ARTICLES

PROGRAM KEMBARA D'BANKERS: TAUTAN MAHABBAH RUMAH PERYATIM SIBU

Penulis: Azlan Yusof Punding dan Persatuan D'Bankers UiTM Mukah

Seramai 32 pelajar dan 3 pensyarah UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menyertai Program Kembara D'Bankers: Tautan Mahabbah di Rumah PERYATIM Sibul, bertempat di Komplek Kebajikan Juma'ani Tuanku Haji Bujang Sibul. Program ini merupakan anjuran bersama antara Persatuan D'Bankers UiTM Mukah, English Language Society UiTM Mukah dan Jawatankuasa Pengurusan PERYATIM Sibul yang telah berlangsung pada 8 Jun 2024, melibatkan seramai 61 orang staf dan penghuni rumah PERYATIM tersebut.

Program Kembara D'Bankers: Tautan Mahabbah Rumah PERYATIM bertujuan untuk memupuk semangat cinta terhadap budaya tolong-menolong dalam kalangan masyarakat serta berganding bahu dalam menjaga kebajikan anak-anak yatim. Selain itu, program ini turut menjadi platform representasi mahasiswa universiti bersama komuniti dan menjadi medium pengukuhan nilai kepimpinan, komunikasi dan kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa dengan masyarakat setempat.



Jawatankuasa penganjur Persatuan D'Bankers
UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah

Antara pengisian program tersebut ialah sesi penghasilan sabun daripada bahan terpakai, latihan dalam kumpulan, aktiviti sukaneka, dan sharing session pengalaman belajar di universiti. Hadir sama pada program tersebut ialah Penolong Rektor UiTM Mukah, Professor Madya Dr. Abdul Razak Abdul Kadir; Pengurus Cawangan PERYATIM Sibul, Cik Najilanisa Suhaili; Penasihat D'Bankers, Encik Azlan Yusof Punding; dan Penasihat ELSUM, Cik Sitti Hawa Sheikh Mohammad.

"Program seperti ini amatlah kami galakkan untuk diadakan di kompleks kami. Ia mampu menyuntik semangat kepada anak-anak kami untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan mereka. Tanpa ilmu pegetahuan, kita tidak akan mampu mengubah nasib kehidupan kita," ujar Pengurus Cawangan PERYATIM.



(Tiga dari kiri duduk) Prof. Madya Dr. Abdul Razak Abdul Kadir
bersama AJK Pelaksana program dan warga PERYATIM Sibul

Kejohanan Bola Tampar (Wanita) Liga Sukan Komuniti Peringkat Bahagian Mukah 2024

Penulis: Tracy Adeline Ajol dan Widyawati Jais



MUKAH: UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menghantar satu pasukan Bola Tampar (Wanita) yang terdiri daripada 9 orang pelajar UiTM Kampus Mukah untuk menyertai Pertandingan Bola Tampar (Wanita) Liga Sukan Komuniti Peringkat Bahagian Mukah 2024 anjuran Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak. Kejohanan ini telah berlangsung pada 29 hingga 30 Jun 2024 bertempat di Kompleks Sukan Komuniti (KSK) Mukah dengan penyertaan seramai 7 pasukan dari seluruh bahagian Mukah.

Pasukan Bola Tampar (Wanita) UiTM Kampus Mukah telah berjaya membawa balik pingat gangsa berserta hadiah wang tunai setelah memenangi tempat ketiga di dalam kejohanan tersebut. Selain itu, dua daripada pemain pasukan Bola Tampar UiTM Kampus Mukah iaitu Annie Baun James dan Elliuviunie Anak Gani telah terpilih untuk mewakili bahagian Mukah untuk ke pertandingan peringkat seterusnya bersama-sama dengan pasukan yang telah menjadi Johan pertandingan di peringkat bahagian Mukah.

Di samping dapat mengharumkan nama UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, penyertaan pasukan dalam kejohanan ini turut memberi peluang kepada para pelajar untuk melibatkan diri dalam menjalani aktiviti bersama masyarakat di sekeliling bahagian Mukah dan seterusnya mewujudkan jalinan hubungan baik di antara warga UiTM Kampus Mukah dengan masyarakat setempat bahagian Mukah khususnya. Pengalaman ini sedikit sebanyak dapat meningkatkan lagi keyakinan diri dan mengembangkan potensi pasukan Bola Tampar UiTM Kampus Mukah dalam sukan bola tampar. Melalui penyertaan kejohanan ini juga, pelajar berpeluang menyerlahkan bakat terpendam dalam sukan tersebut dan seterusnya diharap mampu mewakili UiTM ke peringkat pertandingan yang lebih tinggi pada masa akan datang.



NEWS AND ARTICLES

ACADEMIC INSIGHTS AND INDUSTRY EXPERIENCES: FIN388 VISIT TO MBSB BANK

Author: Norazimah Mejri

On June 14, 2024, students enrolled in the Ethics and Governance in Financial Services (FIN388) course participated in an academic visit to the Mukah branch of MBSB Bank. This visit was designed to provide students with practical exposure to workplace operations and enhance their understanding of the critical role that ethics and governance play in financial institutions.

MBSB Bank, a fully Shariah-compliant Islamic bank in Malaysia, serves a wide array of retail, SME, and corporate clients. As a subsidiary of Malaysia Building Society Berhad (MBSB), the bank is a leader in the country's financial sector, distinguished by its innovative approach to digital banking and customer service. With a robust nationwide presence through both physical and virtual branches, MBSB Bank has solidified its reputation for delivering high-quality, accessible banking services.



During the visit, students gained insights into the bank's operational framework, governance practices, and decision-making processes. They observed the real-world application of ethical principles within financial services, illustrating how these practices shape the operational integrity of institutions like MBSB Bank.

Through this learning experience, students witnessed MBSB Bank's commitment to maintaining high ethical and governance standards, from risk management and compliance to corporate social responsibility initiatives. They also had the chance to interact with banking professionals, ask questions, and seek deeper insights into various aspects of the industry.

The FIN388 academic visit proved to be an invaluable experience, effectively bridging the gap between classroom theory and industry practice. By combining academic knowledge with practical exposure, the students were better equipped to grasp the importance of ethics and governance in the financial services sector, preparing them for future roles in the banking and finance industry.



NEWS AND ARTICLES

Collaborative Teaching for DPF40043 and FIN242 Subjects: A Joint Learning Initiative

Author: **Norazimah Mejri**

On May 14, 2024, and June 21, 2024, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Mukah Campus and Politeknik METRO Betong Sarawak collaborated to provide guidance to finance students from both institutions. The collaborative teaching program focuses on two core subjects: DPF40043 (Politeknik) and FIN242 (UiTM).



Collaborative Teaching Poster

This collaborative teaching allows students to engage with lecturers from different institutions and foster a sense of community. The lecturers involved in this project shared their expertise and knowledge, providing students with a comprehensive understanding of finance concepts. The virtual classroom setting enabled students to participate in discussions and ask questions.




Photo session with students

As the finance sector evolves, it is crucial for educational institutions to stay ahead of the curve by adopting innovative and collaborative approaches to teaching. By sharing resources and expertise, the lecturers aimed to equip students with the necessary skills to navigate the dynamic finance industry. This joint initiative not only promoted knowledge sharing but also encouraged students to develop critical thinking and problem-solving skills. The success of this collaborative teaching program demonstrates the potential for online learning to transcend institutional boundaries.

Through collaboration, educational institutions are able to provide students with a more comprehensive and engaging learning experience and help students in achieving their learning outcomes.

Bengkel Teknik Penulisan Penerbitan Jurnal Berindeks (Sains dan Teknologi)


Penulis: **Muhamad Nasarudin Sulaiman**

MUKAH, 16 Ogos 2024 – Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi (UiTM) Kampus Mukah telah menganjurkan “Bengkel Teknik Penulisan Penerbitan Jurnal Berindeks” yang memberi fokus kepada kajian dalam bidang sains dan teknologi yang bertempat di Bilik Seminar Perpustakaan PTAR, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Bengkel yang berlangsung selama separuh hari itu telah berjalan dengan jayanya dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Seramai 23 orang peserta yang telah menyertai bengkel ini terdiri daripada pelajar pascasiswazah dan staf akademik Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi serta Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Mukah.



Para peserta yang menyertai bengkel

Bengkel ini dikendalikan oleh penceramah jemputan yang berpengalaman dalam penerbitan jurnal berimpak tinggi iaitu Encik Mohd Hafizz bin Wondi yang merupakan pensyarah daripada Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi UiTM Kampus Mukah. Dalam bengkel tersebut, beliau berkongsi tips penulisan jurnal, teknik memilih jurnal berkaitan topik penyelidikan, elemen peer review dan sebagainya.



Sesi bengkel yang dikendalikan oleh penceramah jemputan iaitu Encik Mohd Hafizz bin Wondi

Antara tujuan utama bengkel ini dianjurkan adalah untuk memberi pendedahan mengenai teknik-teknik yang berkesan untuk menarik minat staf akademik dan pelajar pascasiswazah khususnya dalam bidang penulisan dan penerbitan melalui pendedahan tentang kemahiran penulisan jurnal yang efektif dan layak untuk diterbitkan di jurnal berindeks seperti ERA, WOS, SCOPUS dan sebagainya.

Sementara itu, salah seorang peserta bengkel, Dr. Muhammad Shahimi Ariffin cukup teruja kerana berpeluang menyertai bengkel yang banyak memberikan ilmu baharu dan bermanfaat kepada peserta. “Melalui bengkel ini, saya mendapat pendedahan mengenai teknik penulisan dan penerbitan yang efektif bagi menghasilkan artikel jurnal yang lebih berkualiti dan berimpak tinggi dalam memenuhi kriteria penyunting jurnal. Saya juga berharap agar bengkel sebegini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang,” ujar beliau. Sebagai penutup, program ini telah memberi pendedahan yang meluas tentang ilmu penulisan dan penerbitan jurnal yang berindeks sekali gus mampu menarik minat staf akademik dan pelajar pascasiswazah.

PROGRAM KEM KARNIVAL SCIENCE, TECHNOLOGY, ENGINEERING & MATHEMATIC (STEM) 2024 SMK AGAMA IGAN

Penulis: Nur Nadia Qausar Juhari dan Arif Azizi Che Harun

UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah dijemput untuk menyertai program STEM anjuran SMK Agama Igan bersama SABATI (Sarawak Badan Amal Tenaga Isteri-Isteri) dibawah Program Pendidikan Luar Bandar SABATI-PETROS (STEM-TVET) dengan kerjasama Unit Blimbingan dan Kaunseling sekolah tersebut. Program ini bertujuan memberi galakan kepada para pelajar dan mencetus minat pelajar dalam menceburi bidang STEM, seterusnya melahirkan generasi yang kreatif dan inovatif pada masa hadapan.



Para petugas dari UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah bersedia memberikan penerangan kepada para peserta

Pelajar dan guru menunjukkan minat tinggi apabila pihak UiTM membawa alat canggih seperti mikroskop dan sampel sel yang boleh dicuba dan dilihat sendiri oleh peserta pada hari tersebut. Walaupun hanya dengan penggunaan mikroskop, usaha kecil ini mampu memberi impak besar dalam meningkatkan minat dan kecenderungan pelajar terhadap bidang sains dan teknologi. Selain itu, petugas juga turut memberikan nasihat dan penerangan berkaitan syarat kemasukan ke institusi awam terkini. Program ini tamat pada jam 4.00 petang dengan sorakan meriah daripada para peserta di penghujung acara.

Bagi merealisasikan tujuan utama program ini, UiTM Kampus Mukah telah melantik Cik Nurul Syahirah Mansur, Pensyarah bidang Pengeluaran Herba, untuk menyampaikan maklumat dan penerangan berkaitan STEM. Encik Arif Azizi Che Harun, pakar dalam bidang Akuakultur, turut terlibat dalam usaha menjentik minat para pelajar yang terlibat menceburi bidang sains dan teknologi.



Para petugas sedang menyediakan mikroskop untuk digunakan oleh para peserta

PROGRAM KARNIVAL SARAWAKKU MEMBACA PUSTAKA NEGERI SARAWAK SIBU BERSAMA KOMUNITI KG. JEMORENG

Penulis: Nur Nadia Qausar Juhari dan Arif Azizi Che Harun

UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah dengan berbesar hati menerima jemputan daripada Pustaka Negeri Sibu sebagai peserta program komuniti pada 28 September 2024 di perkarangan Perpustakaan Desa Kampung Jemoreng, Daro. Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Murshid Diraja Dr Juanda Bin Jaya, Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak N44 Jemoreng dalam pengisian slot bacaan bersama pemimpin. Program yang gah ini bermula pada jam 8.00 pagi sehingga 4.30 petang dan telah dihadiri oleh komuniti setempat daripada pelbagai peringkat umur.

Penganjuran program ini adalah merupakan usaha untuk menyemai minat membaca serta memupuk budaya ilmu dan pengetahuan di kalangan masyarakat Sarawak bagi membangunkan masyarakat yang lebih berilmu, berinformasi serta berdaya saing.



UiTM Kampus Mukah telah merealisasikan sebahagian objektif utama program ini dengan membawa masyarakat dengan lebih dekat kepada pendedahan STEM khususnya kepada pelajar sekolah rendah dan menengah. Selain itu juga, UiTM Kampus Mukah juga telah menjalankan sesi penerangan tentang syarat kemasukan ke institusi ini kepada pelajar-pelajar sekolah menengah serta guru kaunseling di sekitar bandar tersebut.

UiTM Kampus Mukah malahan turut menunjukkan komitmen kepada masyarakat awam tentang pentingnya pendidikan tinggi kepada belia di sana serta mendokong aspirasi pembelajaran sepanjang hayat melalui minat dalam pembacaan.



MODUL KEPIMPINAN IKON PERINGKAT DIPLOMA SESI II 2023/2024 PERINGKAT UITM MUKAH

Penulis: Ros Anizah Binti Mi'ad

Modul Kepimpinan Ikon (MKI) adalah program untuk para siswa dan siswi yang mempunyai potensi kepimpinan, khususnya dalam kalangan Majlis Tertinggi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), kelab, persatuan, dan badan beruniform. Program ini bertujuan untuk melahirkan ikon yang mampu memberi impak positif kepada pelajar lain serta membentuk keterampilan dan jati diri kepimpinan yang kukuh. Menyedari keperluan ini, Unit Kepimpinan Pelajar (UKP) UiTM Cawangan Sarawak telah menganjurkan program MKI sebagai usaha untuk melahirkan pemimpin berwibawa yang mampu memastikan kesinambungan agama, bangsa, dan negara.



Aktiviti luar permainan bersama peserta program

Program ini telah dianjurkan oleh Unit Kepimpinan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah, dan telah berlangsung daripada 7 Jun 2024 sehingga 9 Jun 2024 di Takan Berambih, UiTM Kampus Mukah. Seramai 30 orang pelajar diploma yang terdiri daripada wakil-wakil siswa dan siswi berpotensi dalam kalangan Majlis Tertinggi MPP, kelab, persatuan, dan badan beruniform telah terlibat sebagai peserta. Program ini juga dikendalikan oleh empat orang fasilitator yang terdiri daripada para pensyarah dari pelbagai bidang. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk sesi ice-breaking, penandaan aras program berimpak tinggi yang menilai kriteria-kriteria program berimpak tinggi, pendedahan kepada kriteria pencalonan Anugerah Tokoh Siswa terkini, penyediaan kertas kerja program, serta sesi refleksi diri dalam kumpulan bersama fasilitator.

Secara keseluruhannya, objektif program ini telah tercapai dan diharapkan penganjuran program seperti ini akan mendapat sambutan yang lebih baik pada masa akan datang.



Barisan peserta bersama barisan fasilitator

Objektif utama program ini adalah untuk memenuhi keperluan pelaksanaan modul kepimpinan pelajar di bawah IKP/UKP bagi mencapai KPI HEP-UKP "PI029 Leadership Programme Organised by Unit Kepimpinan Pelajar." Di samping itu, program ini bertujuan memupuk kecemerlangan mahasiswa sebagai ikon dalam pelbagai bidang, membentuk semangat jati diri dalam kalangan pemimpin masa hadapan, dan meningkatkan kemahiran insaniah di kalangan pelajar UiTM.

YOUTH ENTREPRENEURSHIP AND INNOVATION PROGRAM (Y.E.I.P) 2024

Penulis: Noraini Sa'ait, Siti Farah Lajim dan Agnes Kanyan

Unit Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menganjurkan Youth Entrepreneurship and Innovation Program (Y.E.I.P.) 2024. Program yang berlangsung selama tiga (3) hari bermula daripada 7 sehingga 9 Jun 2024 ini telah dianjurkan dengan kerjasama beberapa rakan strategik yang terdiri daripada persatuan pelajar UiTM Kampus Mukah iaitu D'Bes, D'Bankers, D'Planters, D'Herbalist, Jawatankuasa Perwakilan Kolej dan Adikarya. Perasmian Penutupan program telah disempurnakan oleh Penolong Rektor UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, Professor Madya Dr. Abdul Razak Bin Abdul Kadir.



Poster hebahkan Y.E.I.P. 2024

Antara objektif utama program ini adalah untuk menggalakkan perkongsian ilmu dan pengalaman di antara usahawan yang berpengalaman bersama para pelajar. Selain itu, program ini juga bertindak sebagai platform membudayakan inovasi dalam kalangan pelajar melalui ekspo dan pertandingan inovasi yang diadakan. Para pelajar juga telah diperkenalkan dengan agensi yang memberi bantuan keusahawanan serta pengurusan kewangan. Sasaran utama peserta program ini adalah pelajar UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah terutamanya yang mengambil subjek Fundamentals of Entrepreneurship (ENT300) dan Creative and Critical Thinking (MGT315).

Program ini dimulakan dengan Pendidikan Kewangan Belia bersama Prudential pada hari pertama, diikuti dengan Youth Innovation Competition yang telah disertai seramai 150 orang pelajar pada hari kedua dan diteruskan dengan Ceramah Kesedaran Kampus Lestari. Pada hari ketiga, sesi perkongsian usahawan tempatan iaitu Program Zero to Hero telah diadakan. Sepanjang program, pengisian malam dimeriahkan dengan UiTM Night Bazaar yang bertemakan Pesta Rock and Roll yang telah disertai 33 vendor tempatan dan persatuan pelajar dan secara tidak langsung ini telah membantu merencanakan aktiviti keusahawanan di UiTM Kampus Mukah. Akhir sekali, program ini juga telah diserikan lagi dengan persembahan pelajar serta Pertandingan Akhir Karaoke.

WEBINAR BOOST YOUR EMPLOYABILITY SCORE: AN ADVICE FROM HR PROFESSIONALS

Penulis: Agnes Kanyan, Noraini Sa'ait, Siti Farah Lajim, Noor Emma Shamsuddin

Webinar bertajuk Boost Your Employability Score: An Advice from HR Professionals telah berjaya diadakan pada 14 Jun 2024, iaitu pada hari Jumaat, bermula dari pukul 2 petang hingga 5 petang. Webinar ini telah disertai oleh seramai 247 orang pelajar yang mengambil kursus Business Communication (MGT269) dan Human Resource Management (MGT340). Objektif utama penganjuran webinar ini adalah untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar dengan memberikan nasihat serta panduan langsung daripada profesional sumber manusia yang berpengalaman.

Sesi 1 memfokuskan kepada topik Resume, Cover Letter and Criteria for Selection, di mana Puan Audrey berkongsi cara menulis resume dan surat permohonan kerja yang berkesan serta kriteria yang dicari oleh majikan ketika memilih calon pekerja. Sesi 2 pula memberi tumpuan kepada topik Interviewing and Following Up, di mana pelajar didedahkan kepada teknik menghadapi temuduga dengan yakin, jenis soalan yang mungkin ditanya, serta cara yang betul untuk membuat susulan selepas temuduga bagi meninggalkan kesan yang baik kepada majikan.

Dengan adanya webinar sebegini, diharapkan para pelajar dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam aspek komunikasi perniagaan dan pengurusan sumber manusia. Pengetahuan ini bukan sahaja akan membantu mereka dalam mendapatkan pekerjaan yang diinginkan selepas tamat pengajian, tetapi juga mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran dalam dunia kerja yang sebenar.



Poster hebahan Webinar Boost Your Employability Score: An Advice From HR Professionals

Puan Audrey Nicholas Rateh, Pengurus Kumpulan Sumber Manusia dan Pentadbiran di Hemisphere Corporation Sdn. Bhd., telah dijemput sebagai penceramah jemputan. Webinar ini dijalankan dalam dua sesi.



Para pelajar mengikuti sesi webinar dengan penuh perhatian

BENGGKEL DIGITAL MARKETING: PENGGUNAAN CANVA DAN TIKTOK

Penulis: Noraini Sa'ait, Siti Farah Lajim, Agnes Kyanan, Dr. Yusman Yacob
dan Pengiran Saifudzin Pengiran Mahtar

Pada 7 Ogos 2024, Bengkel Digital Marketing: Penggunaan Canva dan TikTok dalam perniagaan telah diadakan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak, Kampus Mukah. Program ini menyasarkan penyertaan komuniti Mukah, terutamanya usahawan produk berasaskan sagu. Seramai enam orang pelajar dan empat orang staf telah turut serta dalam menjayakan program ini. Bengkel ini diadakan sebagai sebahagian daripada program Impact Digital Community Tourism (IDCT), di mana pelajar yang terlibat berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka dalam penggunaan Canva dan TikTok kepada para peserta. Ini selaras dengan pencapaian salah satu objektif program iaitu pemindahan dan perkongsian pengetahuan kepada komuniti.



Bersama peserta Bengkel Digital Marketing

Ketiga-tiga pelajar ini merupakan pelajar Diploma Pengajian Perniagaan yang telah menerima latihan dan pendedahan melalui subjek-subjek berkaitan serta sesi bootcamp yang dianjurkan semasa penganjuran IDCT 2023. Bengkel Digital Marketing ini berlangsung dengan lancar dan menerima maklum balas positif daripada para peserta.

Program ini turut mendapat kunjungan Penolong Rektor Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak, Kampus Mukah, Dr. Abdul Jabbar Abdullah, yang meluangkan masa untuk meninjau pelaksanaan bengkel. Diharapkan program seumpama ini dapat dianjurkan lagi pada masa hadapan, untuk memanfaatkan ilmu yang dipelajari oleh pelajar UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah, dalam membantu komuniti setempat.



Poster hebahan program

Bengkel dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Projek, Puan Noraini Sa'ait, dan diteruskan dengan sesi pertama, "Pengenal kepada Canva," yang disampaikan oleh pelajar saudari Fadzreen Mustapha dan saudara Muhammad Aiman Afiq Muhammad Asin. Sesi kedua diteruskan dengan topik "Pengenal kepada TikTok sebagai Medium Pemasaran," yang disampaikan oleh saudara Awang Razin Awg Baderulhisam.



Sesi perkongsian antara pelajar dan peserta program

MAJLIS PENUTUPAN DAN GRAND SHOWCASE IMPACT DIGITAL COMMUNITY TOURISM (IDCT 2023)

Penulis: Noraini Sa'ait, Siti Farah Lajim, Agnes Kanyan dan Dr Yusman Yacob

Bersempena dengan penutupan program Impact Digital Community Tourism (IDCT 2023), pasukan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menyertai Grand Showcase yang telah diadakan di Summer Shopping Mall, Kota Samarahan. Program pelancongan digital berimpak tinggi bersama komuniti yang telah bermula sejak Julai 2023 ini telah melabuhkan tirai dengan IDCT Grand Showcase yang telah diadakan pada 10 Ogos 2024. Majlis Penutupan dan Grand Showcase IDCT telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud. Program ini telah dihadiri oleh lima (5) orang pelajar dan empat (4) orang pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah

IDCT 2023 merangkumi beberapa aspek iaitu Pemasaran Digital, Pelancongan berasaskan Komuniti (CBT), Keusahawanan Sosial dan Ekonomi GIG. Program ini telah disertai oleh 16 Universiti Awam dan Kolej Komuniti di Sabah dan Sarawak yang melibatkan seramai 80 orang pelajar dan 16 orang mentor.

Program ini telah memberi manfaat kepada 16 komuniti di Sabah dan Sarawak sepanjang 5 bulan kerja lapangan dalam melaksanakan projek pelancongan komuniti. Setiap pasukan telah menerima latihan melalui tiga (3) bootcamps yang dilaksanakan hampir setahun program ini berlangsung. Sebanyak 16 pameran produk pelancongan komuniti yang merupakan kolaborasi antara pelajar serta komuniti dari seluruh Sabah dan Sarawak telah dipamerkan melalui IDCT Grand Showcase.

Grand Showcase ini dinilai berdasarkan lima (5) aspek utama iaitu "Penglibatan Masyarakat", "Inovasi dan Kreativiti", "Impak Komuniti", "Kemampuan", serta "Pembentangan dan Dokumentasi". Proses penjurian telah dilaksanakan oleh pensyarah berpengalaman dan pakar dari industri pelancongan. Sebanyak lima (5) anugerah Gold, lima (5) anugerah Silver dan enam (6) anugerah Bronze ditawarkan bagi Grand Showcase ini.

Pasukan UiTM Kampus Mukah telah mengharumkan nama universiti setelah memenangi anugerah Gold (Cemerlang) dan membawa medal serta sijil penyertaan bagi UiTM Kampus Mukah dan komuniti Mukah. Semoga kejayaan ini membakar semangat para pelajar dan juga pensyarah untuk lebih giat menyumbang kepada universiti dan komuniti.



Poster hebahan Majlis Penutupan Program IDCT dan Grand Showcase



Bersama Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud



Sijil penyertaan dan medal kemenangan pasukan UiTM Kampus Mukah



NEWS AND ARTICLES

Program Celik Kewangan dan Asas Penubuhan Homestay bersama Komuniti Tellian Mukah

Penulis: Carolin Ann Enchas dan Ikhwan Naguib Jusoh

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan telah menganjurkan Program Celik Kewangan dan Asas Penubuhan *Homestay* Komuniti Tellian, Mukah, yang berlangsung selama dua hari bermula dari 1 hingga 2 Mac (Jumaat dan Sabtu) bertempat di Hotel Kingwood, Mukah. Penyertaan program ini terdiri daripada 60 orang peserta dari empat buah kampung di kawasan Tellian, Mukah, iaitu Tellian Tradisi, Tellian Tengah, Tellian Ulu, dan Tellian Laut. Program ini adalah antara program terakhir di bawah Projek Pembangunan Komuniti Melalui Eko Pelancongan dan Keusahawanan Kawasan Tellian, Mukah, dengan jumlah peruntukan sebanyak RM115,000.00 yang dibiayai oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) N.57.

Antara objektif utama program ini adalah bertujuan untuk memberikan kefahaman asas tentang kemahiran pengurusan kewangan dan asas penubuhan *homestay* dalam kalangan para usahawan, membimbing mereka tentang cara dan saluran mendapatkan geran-geran dari kerajaan, agensi luar serta institusi kewangan dan memberi pendedahan tentang kaedah menjana pendapatan melalui perusahaan *homestay* dan pemandu pelancong.

Pada hari pertama, program dimulakan dengan beberapa pengisian yang diantaranya adalah ceramah yang disampaikan oleh penceramah dari Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan pensyarah dari Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak Kampus. Program hari pertama ini telah diakhiri dengan para peserta membuat aktiviti Latihan dalam kumpulan (LDK). Aktiviti latihan dalam kumpulan ini bertujuan untuk menguji kefahaman para peserta dalam mengenalpasti kos langsung dan tidak langsung dalam menjalankan perniagaan serta membuat pengiraan bagi mendapatkan untung kasar dan bersih.



TERIMA KASIH... Aini (tiga kanan) menerima cenderamata daripada pihak UTM dalam majlis tersebut.

UNIVERSITI BANTU KOMUNITI
I NUR FARHAN RAZALI
suarasarawak.news@gmail.com
MUKAH: Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi Mara (UTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah membantu komuniti Tellian melalui beberapa program bagi meningkatkan pendapatan penduduk setempat.
Aini Dewan Undangan Negeri Tellian Ruyutan Valentine berkata, pelaksanaannya adalah untuk kemajuan dan peningkatan taraf ekonomi hidup komuniti setempat. Ia dijangka mampu melonjakkan pendapatan mereka khususnya golongan berpendapatan rendah dan yang memerlukan perhatian daripada pihak kerajaan.
"Dengan adanya program seperti ini juga, ia sekali gus mempromosikan Mukah sebagai destinasi pelancongan yang dipilih rama," katanya.
Beliau berkata demikian menerusi teks ucapan yang dibacakan oleh Walikota Majlis Daerah Dalat dan Mukah (MIDOM) Ari Suhali dalam Majlis Makan Malam Program Celik Kewangan dan Asas Penubuhan Homestay Komuniti Tellian Mukah, di Hotel Kingwood, Mukah, Sabtu.
melalui Ekopelancongan dan Keusahawanan Tellian Mukah, Program Pembangunan Produk Ekopelancongan dan Pembangunan Aplikasi Mobile Komuniti Tellian serta
mewujudkan peluang pekerjaan, memupuk minda kreatif dan inovatif kepada komuniti di sini.
"Bukan itu sahaja, mereka dapat mempelbagaikan aktiviti perniagaan
"Diharapkan program seperti ini akan diteruskan pada masa akan datang," tambahnya.
Mengenal Program Celik Kewangan dan Asas Penubuhan

Program diteruskan lagi pada hari kedua dengan memfokuskan kepada Program Asas Penubuhan *Homestay*. Antara pengisian program ini adalah ceramah Asas Penubuhan *Homestay* dan Asas Pemandu Pelancong yang disampaikan oleh penceramah daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). Seterusnya sesi perkongsian secara santai bersama pengusaha *homestay* yang berjaya dan program hari kedua ini diakhiri dengan aktiviti latihan dalam kumpulan (LDK) pada sebelah petangnya.

Maklum balas peserta yang positif membuktikan keberkesanan modul dan projek ini ditutup secara rasmi dengan majlis makan malam yang dihadiri Walikota Dalat dan Mukah sebagai wakil YB DUN N.57.



BENGKEL PERSEDIAAN UJIAN 'BUSINESS MATHEMATICS'

Penulis: Hazfina Mohamed Idris & Muhammad Zulkhairi Zakariah

Pada 25 Jun 2024, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM), UiTM Kampus Mukah telah menganjurkan satu program ilmiah yang dikelolakan oleh para pensyarah kursus Business Mathematics (MAT112). Bengkel ilmiah ini adalah sebahagian daripada program berkala yang sering dianjurkan oleh KPPIM. Bengkel "Persediaan Ujian *Business Mathematics*" ini bertujuan khusus untuk mempersiapkan mental dan fizikal pelajar bagi menghadapi penilaian berterusan terakhir bagi kod kursus MAT112. Seramai 27 peserta terpilih yang merupakan sebahagian daripada pelajar yang mendaftar kursus MAT112 pada semester Mac 2024 telah menyertai bengkel ini.



Sesi teknik menjawab soalan ujian oleh Puan Suffina Long

Dua orang penceramah iaitu pensyarah dengan kepakaran dalam subjek Matematik telah dijemput untuk menjayakan bengkel ini. Bengkel selama tiga jam ini dimulakan dengan sesi motivasi ringkas kepada peserta, diikuti dengan pengisian utama yang merangkumi sesi ulangkaji silibus penting untuk ujian dan teknik menjawab soalan. Pada sesi terakhir yang berlangsung selama satu jam, peserta diberikan latihan tubi dan bimbingan one-to-one oleh penceramah.

Bengkel ini mendapat sambutan yang sangat baik daripada para peserta, yang menunjukkan keterujaan tinggi sepanjang tiga jam program dijalankan. Impak positif jelas terlihat apabila para peserta berjaya mencatat skor markah yang baik dalam ujian MAT112.



Sesi motivasi kepada para peserta bengkel oleh Encik Zulkhairi Zakariah



NEWS AND ARTICLES

SMART AGRICULTURE INNOVATION COMPETITION (SAIC) 2024: UNVEILING THE TECHNOLOGICAL TALENT AND CREATIVITY OF AT122 STUDENTS

Authors: Nurain Johar, Ts. Mohd Hafizz Wondi dan Muhamad Nasarudin Sulaiman



AT122 students were preparing to present their innovative project ideas for evaluation by guest judges

The innovative projects presented by students are a smart irrigation system utilizing sensor technology to optimize water usage, real-time crop monitoring through IoT devices, and sustainable agricultural solutions focusing on organic farming and soil health.

Each project was evaluated by a panel of guest judges led by Ts. Dr. Mohamad Izwan Ismail, the Head of the Research Management Unit (RMU) at UiTM Mukah Campus. The event concluded with an award ceremony officiated by Mr. Muhamad Syukrie bin Hj. Abu Talip, Head of the Centre of Science, Plantation and Agrotechnology, to acknowledge the students' outstanding contributions.


Overall, the first edition of SAIC encouraged the development of new ideas and shaped individuals who are capable of thinking outside the box. This initiative is crucial in nurturing a generation of students who are better prepared to face future challenges with innovative and creative solutions.

The Smart Agriculture Instrumentation (AGRI38) course is a core subject for second-semester students of the Diploma in Herbal Production Technology (AT122) program. With the full support of the faculty, Ts. Mohd Hafizz Wondi, who serves as both the lecturer and resource person, organized the Smart Agriculture Innovation Competition (SAIC) on June 28, 2024.

Moreover, there were five groups of 19 AT122 students who participated in the competition. The first-ever SAIC event showcased students' ideas to enhance agricultural efficiency and sustainability, demonstrating their skills and knowledge in agricultural technology.



The Smart Agriculture Innovation Competition (SAIC) 2024 participants posed for a group photo with the panel of judges



LAWATAN KERJA PUSAT PENGAJIAN SAINS, PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI (PPSPA) KE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM) & THE AGRICULTURE, HORTICULTURE AND AGRO-TOURISM (MAHA) EXHIBITION 2024

Penulis: Nurain Johar, Ts. Mohd Hafizz Wondi, Nurul Syahirah Mansur dan Muhamad Syukrie Abu Talip

Lawatan kerja Pusat Pengajian Sains Perladangan dan Agroteknologi (PPSPA) ke Universiti Putra Malaysia (UPM) dan The Agriculture, Horticulture, and Agro-Tourism (MAHA) Exhibition 2024 telah diadakan pada 10-12 September 2024. Ia merupakan satu inisiatif penting untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pensyarah dalam bidang perladangan dan agroteknologi. Delegasi PPSPA telah disambut oleh Dr. Sarah Baharudin, yang mewakili Ketua Jabatan Sains Tanaman, UPM, serta Profesor Madya Dr. Yuzine Esa, yang mewakili Ketua Jabatan Akuakultur, UPM.



Sesi perbincangan diadakan antara FPA Kampus Mukah dan wakil Jabatan Akuakultur UPM



Pensyarah PPSPA bergambar kenangan bersama barisan pensyarah Jabatan Sains Tanaman, UPM selepas selesai lawatan makmal

Lawatan kerja selama dua hari di UPM ini turut diisi dengan sesi perbincangan meja bulat bagi mendapatkan pandangan pakar mengenai kurikulum yang ditawarkan serta kebolehpasaran alumni pelajar diploma AT112 dan AT117 yang kini melanjutkan pengajian peringkat ijazah di UPM. Maklum balas ini dilihat sebagai input penting memandangkan FPA di Kampus Mukah merupakan Pengurus Utama (PU) bagi dua program diploma UiTM iaitu AT117/AT127 dan AT112/AT122.

Sesi lawatan makmal yang turut terkandung dalam tentatif program kali ini diadakan bagi meninjau instrumen dan fasiliti serta membincangkan potensi kerjasama penyelidikan antara kedua-dua pihak IPTA terlibat. Pada hari terakhir lawatan, para peserta telah mengunjungi ke Pameran MAHA, yang memberikan pendedahan praktikal kepada pensyarah mengenai aplikasi teknologi pertanian terkini melalui demonstrasi dan pameran oleh agensi awam dan swasta yang mengambil bahagian. Diharapkan lawatan ini akan menjadi pemangkin kepada lebih banyak inisiatif yang memacu kemajuan dan kecemerlangan akademik dalam bidang perladangan dan agroteknologi pada masa hadapan. Peserta diharapkan dapat mengintegrasikan pengetahuan dan inovasi yang diperoleh daripada lawatan ini ke dalam kurikulum pengajaran di UiTM untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan penyediaan graduan yang lebih kompeten dalam bidang perladangan dan agroteknologi.

KPPA 2024: USAHA FAKULTI UNTUK BANTU TINGKATKAN MOTIVASI DAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR

Penulis: Nurain Johar, Ts. Mohd Hafizz Wondi, Hazfina Mohamed Idris dan Muhamad Syukrie Haji Abu Talip

Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi (PPSPA) UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah mengambil langkah proaktif dalam penganjuran Kem Pengukuhan dan Pementapan Akademik 2024 yang diadakan pada 8 hingga 9 Jun 2024. Program ini dipimpin oleh Ts. Mohd Hafizz Wondi sebagai ketua program dan dibantu oleh jawatankuasa yang terdiri daripada kalangan pensyarah PPSPA dalam memastikan kelancaran dua hari program ini.



Peserta bergambar kenangan bersama jemputan alumni dan para penceramah

Program kali ini telah menghimpunkan sebanyak 17 orang pelajar diploma FPA dan 9 orang penceramah yang diberi tanggungjawab bagi melaksanakan 10 modul seperti modul Positif Diri, Adab Menuntut Ilmu, Levelling Up Your Study Skills, Soft Skills Optimized Learning dan banyak lagi. Jawatankuasa penganjur juga turut menjemput alumni FPA iaitu Encik Howern Dean Anak Hardin yang kini berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Pertanian di Pejabat Pertanian Daerah Daro pada penganjuran program kali ini.



Kumpulan pelajar bersemangat memberi penerangan dalam aktiviti LDK

Sesi bersama alumni membolehkan alumni jempukan membuat perkongsian peribadi mengenai perjalanan akademik beliau semasa menyambung pengajian selama lima semester di Kampus Mukah yang membolehkan beliau mendapat anugerah dekan pada 4 semester sekaligus memberikan motivasi kepada para peserta untuk memperbaiki keputusan peperiksaan akan datang. Program KPPA 2024 turut diselitkan dengan pelbagai aktiviti seperti Pentas Debat dengan tujuan agar semua peserta dapat meningkatkan keyakinan diri dalam komunikasi dan kerjasama berkumpulan. Program ini diakhiri dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada semua peserta yang telah disempurnakan oleh Ketua Unit Korporat UiTMCS Kampus Mukah iaitu Encik Mohd Shafik Mohd Samsi. Program ini telah mendapat sokongan penuh daripada Ketua Pusat Pengajian iaitu Encik Muhamad Syukrie Haji Abu Talip yang berharap agar usaha ini merupakan salah satu tindakan Continuous Quality Improvement (CQI) yang dapat dilaksanakan oleh pihak fakulti dalam memastikan pencapaian akademik pelajar pada tahap terbaik.

NEWS AND ARTICLES

SESI PERKONGSIAN SYARIKAT NASUHA HERBA DAN REMPAH KARYA SARI BERSAMA PELAJAR PERSATUAN D'HERBALISTS

Penulis: Nurul Syahirah Mansur

Persatuan D'Herbalists telah berjaya menganjurkan "Sesi Perkongsian Syarikat Nasuha Herba dan Rempah Karya" bersama ahli persatuan pada 25 Mei yang lalu. Sesi ini diadakan secara atas talian selama 3 jam dan disertai seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada pelajar, alumni dan pensyarah.



Poster hebahan program

Encik Hariz Haikal bin Nasuha iaitu Pengurus Besar, Nasuha Herba dan Rempah Karya Sari telah berkongsi ilmu berkaitan herba seperti kepentingan industri herba, pengendalian ladang herba secara organik, ciri-ciri graduan yang diperlukan oleh industri herba, cara penghasilan minyak pati dan kepelbagaian produk herba yang dikomersilkan oleh syarikat.



Penceramah program, En. Hariz Haikal bin Nasuha

Terdapat beberapa aktiviti yang diadakan oleh syarikat bagi menarik minat pelajar seperti kuiz dan pertandingan kandungan media sosial. Program ini telah dirasmikan oleh Encik Muhamad Syukrie Hj. Abu Talip yang merupakan Ketua Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi. Para pelajar berharap program ini dapat diteruskan pada masa akan datang kerana program ini dapat membantu pelajar serta orang awam mengenali kepentingan Diploma Pengeluaran Herba (AT112) dan Diploma Teknologi Pengeluaran Herba (AT122).



Sesi bergambar bersama Pengurus Besar, Nasuha Herba & Rempah Karya Sari

TEAM BUILDING FPA MERAIKAN PELAJAR SEMESTER 1 SESI MAC – OGOS 2024

Penulis: Nurul Syahirah Mansur dan Muhamad Nasarudin Sulaiman

Persatuan D'Herbalists dengan kerjasama Persatuan D'Planters dan Aquarions telah menganjurkan program Team Building Fakulti Perladangan dan Agroteknologi pada 20-21 April yang lalu. Seramai 33 orang pelajar Semester 1 dari Diploma Pengurusan Industri Perladangan (AT120) telah menyertai program di Pusat Akua dan Agrotek.

Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang program ini, termasuk senamrobik, penciptaan logo dan cheers kumpulan, permainan Can you hear me?, Radio Rosak, Flip the Bottle and Answer the Question, Guess the Lyrics, Explorace dan persembahan kumpulan. Melalui program ini, pelajar baharu dapat meningkatkan daya tahan lasak, tahap kerjasama dalam pasukan, serta kreativiti dalam menghasilkan persembahan yang berjaya memukau para juri.



Aktiviti Explorace: Reach the Bottle

Program ini berakhir dengan ucapan penutupan yang disampaikan oleh En. Muhamad Syukrie Hj. Abu Talip, Ketua Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi, serta penyampaian hadiah kepada para pemenang. Turut hadir memeriahkan program adalah empat orang pensyarah dari Fakulti Perladangan dan Agroteknologi. Akhir sekali, Persatuan D'Herbalists, D'Planters dan Aquarions ingin mengucapkan terima kasih kepada Unit Hal Ehwal Pelajar UiTM Mukah atas dana yang diberikan bagi menjayakan program ini.



Barisan Pensyarah Perladangan dan Agroteknologi Bersama Pelajar

NEWS AND ARTICLES

PELAJAR PERSATUAN D'HERBALISTS SAHUT CABARAN KEUSAHAWANAN DAN INOVASI

Penulis: Nurul Syahirah Mansur dan Ts. Mohd Hafizz Wondi

Persatuan English Language Society of UiTM Mukah (ELSUM) telah mengadakan gerai jualan dan Invention and Innovation of Ideas sempena Language Carnival pada 19 Mei yang lepas. Persatuan D'Herbalists tidak melepaskan peluang ini dengan menggalakkan penglibatan ahlinya dalam program ini. Exco Keusahawanan D'Herbalists dengan kerjasama ahli persatuan telah membuka satu gerai jualan makanan yang menjual popia cendawan enoki dan popia jejari ketam.



Jualan Language Carnival

Selain itu, ahli persatuan juga turut terlibat dalam aktiviti jualan roti semasa Hari Sukan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA). Menerusi aktiviti ini, pelajar mempelajari banyak perkara seperti proses penyediaan bahan dan peralatan, pengiraan kos dan untung jualan, pengiklanan yang menarik serta kreatif untuk memasarkan produk jualan.



Jualan Hari Sukan FPA



Kumpulan Herb Tech

Usaha gigih pelajar telah membuahkan hasil kerana berjaya mendapatkan keuntungan dan hasil keuntungan telah dimasukkan dalam tabung persatuan. Selain itu, ahli persatuan juga telah terlibat dalam program Invention and Innovation of Ideas. Kumpulan D'Herbs dan Herb Tech dari Diploma Teknologi Pengeluaran Herba (AT122) telah menyertai pertandingan inovasi ini dengan bimbingan dari Ts. Mohd Hafizz Wondi, pensyarah FPA. Produk inovasi D'Herbs adalah Flosensor manakala produk inovasi Herb Tech pula adalah Ecoharvest: Aquaponic System. Kedua-dua produk yang dipertandingkan berkaitan dengan sistem pengairan pintar untuk mengoptimumkan penggunaan air dan pemantauan tanaman secara nyata dengan peranti IoT. Penglibatan pelajar ini diharapkan dapat menggalakkan pelajar dalam menghasilkan idea-idea inovasi yang baru dan kreatif dalam bidang pengeluaran herba pada masa akan datang.



Kumpulan D'Herbs

HARI KEBUDAYAAN UiTM MUKAH 2024 ANJURAN JPK SERI KUALA DAN KELAB DBES

Penulis: Ikhwan Naguib Bin Jusoh

Pada 16 Jun 2024, Hari Kebudayaan UiTM Mukah 2024 telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Kuala dan Kelab Dbes. Sambutan daripada para pelajar sangat menggalakkan dengan hampir 100 orang menyertai program ini.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan, termasuk acara menyempit, tarian buluh, larian galah panjang, lukisan inai tangan, solekan, dan banyak lagi.



HARI KEBUDAYAAN

ANTARA PERTANDINGAN YANG DIADAKAN :

- PERTANDINGAN MENYUMPIT
- PERTANDINGAN TARIAN BULUH
- PERTANDINGAN SOLEK
- PERTANDINGAN INAI
- PERTANDINGAN GALAH PANJANG

Pakai pakaian sukan /TRADISIONAL bagi yang ada

HADIAH WANG
SEBANYAK
500 MENANTI
MUDA!

Ahad, 16 Jun 2024
📍 DEWAN SRI BALAU
🕒 8 PAGI - 1 PETANG

Ucapan terima kasih ditujukan kepada Encik Ikhwan Naguib Jusoh, selaku penasihat Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Kuala, serta Puan Pressca Negin, penasihat Kelab Dbes, atas kehadiran dan sokongan mereka dalam memeriahkan lagi program ini.

RANDAU PENGHUNI KOLEJ SERI TANJUNG & SERI KUALA SESI MAC - OGOS 2024

Penulis: Ikhwan Naguib Jusoh

Pada tarikh 23 April 2024, Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Kuala dan Seri Tanjung (JPK SKL & STG) Sesi 2024/2025 telah menganjurkan satu perjumpaan yang amat bermakna antara penghuni kolej Seri Kuala dan Seri Tanjung. Acara ini diadakan dengan tujuan untuk mengeratkan lagi hubungan antara kedua-dua penghuni kolej serta memperkenalkan aktiviti dan inisiatif yang sedang dijalankan oleh JPK SKL & STG Sesi 2024/2025. Perjumpaan ini juga disertai oleh penghuni kedua-dua kolej, staf residen kolej dan staf lain yang memainkan peranan penting.



Acara dimulakan dengan bacaan doa yang disampaikan oleh JPK Naib Yang di-Pertua (NYDP JPK SKL) Aiman Afiq, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh JPK Yang di-Pertua SKL, Ethan Anak Pasang dan JPK Yang di-Pertua STG, Annie Baun James. Ucapan daripada penyelaras Staf Residen Kolej, Encik Muhamad Syukrie Bin Hj. Abu Talip, turut memberi semangat kepada semua yang hadir.

Selain itu, pengenalan kepada Staf Residen Kolej (SRK) dan pegawai penting dalam pengurusan kolej juga dilakukan untuk memperkenalkan keanggotaan dan fungsi masing-masing.



Perjumpaan ini diharapkan agar dapat terus menjalin hubungan silaturahim yang kukuh dan bekerjasama dalam usaha-usaha mendukung kolej masing-masing. Semoga usaha-usaha yang dilakukan oleh JPK dapat terus memberi manfaat kepada kedua-dua kolej dan masyarakat di sekitarnya.

PROGRAM ASAS PENUBUHAN HOMESTAY KAWASAN TELLIAN, MUKAH

Penulis: Ikhwan Naguib Jusoh

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah mengadakan Program Asas Penubuhan Homestay Komuniti Tellian, Mukah yang telah berlangsung selama satu hari pada 2 Mac 2024 bertempat di Hotel Kingwood, Mukah. Penyertaan program ini adalah terdiri daripada 60 orang peserta dari empat buah kampung di kawasan Tellian, Mukah iaitu Tellian Tradisi, Tellian Tengah, Tellian Ulu dan Tellian Laut.



Antara objektif utama program ini adalah bertujuan untuk memberikan kefahaman tentang asas penubuhan homestay dalam kalangan para usahawan, membimbing para usahawan tentang cara dan saluran untuk mendapatkan geran-geran dari kerajaan dan memberikan pendedahan tentang kaedah menjana pendapatan melalui perusahaan homestay dan pemandu pelancong.

Antara pengisian program ini adalah ceramah Asas Penubuhan Homestay dan Asas Pemandu Pelancong yang mana kedua-dua topik ini disampaikan oleh penceramah daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). Sesi ceramah seterusnya disusuli oleh sesi perkongsian secara santai bersama pengusaha homestay yang berjaya dan program hari kedua diakhiri dengan aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) pada sesi petangnya.



Penganjuran program ini merupakan satu langkah persediaan bagi usahawan sedia ada atau usahawan baru untuk mempunyai kesedaran dan kemahiran asas mengenai bagaimana mereka boleh menubuhkan perusahaan homestay. Dengan kemahiran dan pengetahuan asas yang telah dikongsikan, maka ini akan memberi sedikit sebanyak manfaat kepada usahawan dan bakal usahawan bagi menyiapkan diri dengan ilmu yang telah dikongsikan sepanjang program ini.

NEWS AND ARTICLES

UITM MUKAH ENGLISH LECTURERS PARTICIPATE IN THE OPEN SUMMER PROGRAMME 2024

Authors: Stefanie Natasha Rich Anak Joseph and Cindy Anak Robert

From July to August 2024, two English lecturers from UiTM Sarawak Branch, Mukah Campus, Miss Stefanie Natasha Rich Anak Joseph and Miss Cindy Anak Robert, took part in the prestigious OPEN (Online Professional English Network) Summer Programme. Over the span of nine weeks, they enrolled in the course "Using Educational Technology in the English Language Classroom", offered by Iowa State University, USA. Sponsored by the U.S. Department of State, funded by the U.S. Government, and administered by FHI 360, this programme aimed to elevate English language teaching and learning through innovative technology integration.

The OPEN Summer Programme 2024 brought together educators from across the globe, transcending backgrounds and geographic boundaries, all united by a shared mission: to enhance English language teaching methodologies. The course, "Using Educational Technology in the English Language Classroom", provided a comprehensive framework for effectively incorporating digital tools into language teaching. Through a series of interactive workshops, expert-led sessions, and collaborative discussions, participants engaged with cutting-edge strategies designed to foster more immersive and engaging classroom experiences.

For both Miss Stefanie and Miss Cindy, the knowledge acquired from the programme has proven invaluable, particularly in relation to their ongoing research and instructional practices. As they continue to develop advanced educational technology solutions for language acquisition, the course has offered critical insights into how technology can not only enrich classroom interactions, but also alleviate students' anxiety and foster greater confidence in speaking. In addition, the programme provided a platform for connecting with educators worldwide. These shared experiences have sparked creative ideas, particularly around integrating cultural elements into language instruction.

Recent discussions with the U.S. Embassy in Malaysia have also opened exciting prospects for future collaborations between UiTM Sarawak Branch and educators from the U.S., potentially laying the groundwork for further cross-cultural educational initiatives.



Participants were awarded the OPEN completion certificate by Mr. Eran Williams, the U.S. Embassy English Language Regional Officer, at the American Corner Sarawak located in Pustaka Negeri Sarawak

MENDUNG DURJA

Penulis : Muhammad Shahimi Bin Ariffin (MuShaRiff Banting)

Di sebalik mendung yang durja, disebalik tangis dan duka,
Pengorbanan pejuang pembebasan kesepian terabai,
Dek generasi kemudian yang alpa dan leka.

Mengimbau sejarah menyerot kisah yang lalu,
Menerobos kapsul masa mengangkat kisah yang tidak didendang,
Meningati kisah zalim sang penjajah merobek luka berdarah,
Berparut luka, berbekas derita, mencalar maruah agama, bangsa
dan negara!

Aku titipkan kisah ini buat generasi terkemudian,
Agar kita ambil iktibar menjaga pusaka peninggalan,
Tanah sekangkang kera ini, perlu dipelihara agar tidak
terkubur tanpa nisan!

Bangkitlah! bangkitlah, anak muda! bangkitlah belia!
Sedarkah kita? Pejuang kemerdekaan sebaya umur kita!
Mengangkat keris, tombak dan senjata,
Bergolok gadai nyawa meninggalkan kemanisan dunia,
Apakah pengorbanan mereka sia-sia?

Tepuk dada tanyalah selera!

Pesanlah pada anak-anak kita, sayangilah tanah pertiwi ini!
Ajarkan kepada mereka kecintaan, perpaduan yang harmoni,
Berbeza kita hanya pada kulit, rambut dan mata namun hati kita
tetap satu,
Kuasa! Kuasalah yang memecah pisahkan kita, membina tembok
agar kita bertelagah,
Capailah tukul sebesar mana, robohkan dinding pemisah agar kita
rukun damai dan bahagia.

Peliharalah keharmonian ini untuk 1000 tahun lagi,
Usah di cetus api membakar jiwa membara berapi,
Dilempar minyak marak menjulang hangus tragedi,
Kekalkan merdeka dari musuh yang memerhati,
Kalau bukan generasi kini siapa lagi?



KE MANA HILANGNYA MINAT MEMBACA ANDA?

Penulis : Siti Faridah Kamaruddin & Dayang Hummida Abang Abdul Rahman

Sejak penulis menyertai UiTM pada tahun 2016, minat membaca terhadap bahan bacaan selain daripada bahan ilmiah terhenti seketika atas alasan kesibukan kerja kerana masih menyesuaikan diri dengan budaya kerja UiTM dan mengejar pengesahan jawatan dalam perkhidmatan. Apabila wabak COVID-19 melanda dunia pada sekitar tahun 2020, ia boleh dianggap satu rahmat atau musibah bagi kebanyakan orang. Disebabkan wabak itu, sesetengah orang kehilangan ahli keluarga yang tersayang, manakala ada juga yang kehilangan sumber pendapatan. Walau bagaimanapun, wabak ini juga boleh membawa keuntungan bagi sesetengah golongan yang lain. Dengan adanya lebih masa dan sumber, seseorang mungkin berfikir tentang apa yang boleh dilakukan apabila kehidupannya terperangkap dalam tahanan rumah disebabkan wabak merbahaya tersebut. Adakah kita perlu berterusan berasa bosan di dalam rumah? Tidak, ini sebenarnya adalah masa keemasan untuk menemui semula biblioholisme, iaitu mencari kembali minat terhadap kemahiran asas dan akses utama kepada pengetahuan, iaitu membaca.



Dalam bukunya yang bertajuk *Biblioholisme: Menelusuri Pesona Dunia Buku dan Pencintanya*, Sulaiman (2015) mendefinisikan biblioholisme sebagai ketagihan luar biasa terhadap buku dan dunia mereka yang cenderung, jika tidak melampau, dalam membeli, membaca, menyimpan, dan mengagumi buku. Pencinta buku dikenali sebagai bibliofilia (bibliophile).

Malah, ada yang memanggil diri mereka biblioholic, sama seperti istilah 'alcoholic' bagi seseorang mempunyai keinginan atau keperluan fizikal untuk mengambil alkohol, walaupun ia memberi kesan negatif kepada kehidupan mereka, atau istilah 'workaholic' pula adalah bagi mereka yang gemar bekerja walaupun kebanyakan daripada kita bekerja secara paksa.

Malik (2021), dalam bukunya *Memori Bukan Memoir*, telah berkongsi dengan pembacanya beberapa fakta mengejutkan tentang membaca. Malah, dalam kajian *The World's Most Literate Nation* berdasarkan kadar bacaan rakyat pada 2016, Malaysia berada di kedudukan ke-53, jauh di belakang negara jiran Singapura yang berada di tangga ke-36. Data itu juga menunjukkan Malaysia tidak tersenarai dalam kumpulan negara yang penduduknya membaca lebih daripada lima jam seminggu, kerana rata-rata rakyat Malaysia kini hanya menghabiskan masa sekitar tiga jam seminggu untuk membaca. Selain itu, kajian terhadap profil pembacaan rakyat Malaysia yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 2005 mendapati rakyat Malaysia hanya membaca dua naskhah buku setahun. Angka ini meningkat kepada 15 naskhah pada 2014 berdasarkan laporan kajian interim mengenai tabiat membaca rakyat Malaysia, tetapi masih rendah berbanding 40 judul buku setahun di negara maju. Selain itu, statistik NOP World Culture Score Index menunjukkan bahawa negara yang mempunyai masa membaca paling banyak ialah India, dimana rakyat negara itu secara purata membaca lebih daripada 10 jam seminggu. Penduduk dari negara Thailand dan China pula membaca selama 8 hingga 9 jam seminggu. Malaysia tidak termasuk dalam NOP World Culture Score Index. Realitinya, budaya membaca di Malaysia tidak melebihi 3 jam seminggu.

KE MANA HILANGNYA MINAT MEMBACA ANDA? (samb.)

Berdasarkan statistik ini, adalah menarik untuk mengenal pasti mengapa rakyat Malaysia tidak menjadi pembaca yang berminat seperti warganegara Singapura atau India. Dalam bukunya, *Membaca: Motivasi & Kaedah*, Ujang (2019) menyatakan ketidakupayaan rakyat Malaysia untuk menghayati tabiat membaca mungkin disebabkan beberapa mitos berkaitan membaca. Mitos pertama yang sering menghantui kebanyakan rakyat Malaysia ialah membaca itu sukar, yang berkaitan secara langsung dengan pengalaman hidup pembaca.



Mitos kedua ialah membaca hanya untuk golongan tertentu seperti pelajar dan kumpulan kolar putih. Namun, hampir semua rakyat di negara maju (tanpa mengira latar belakang kerjaya dan pendidikan) menghargai tabiat membaca. Mitos membaca hanya khusus untuk pelajar dan golongan kolar putih hanya menghantui minda masyarakat mundur dan masyarakat yang tidak memahami maksud dan kepentingan membaca.

Mitos ketiga ialah tiada keperluan untuk mempelajari kaedah membaca dengan baik, kerana ia akan datang dengan sendirinya secara semula jadi melalui amalan membaca banyak buku, majalah, dan surat khabar. Mitos keempat ialah semua perkataan pada bahan bacaan hendaklah dibaca dengan perlahan dan teliti supaya lebih mudah difahami. Mitos kelima adalah mustahil untuk kita membaca 500 patah perkataan seminit, dan mitos keenam adalah memadai untuk kita membaca bahan yang melibatkan bidang pengkhususan sahaja.

Oleh itu, bagaimana mitos membaca ini boleh ditumpaskan? Mungkin fakta-fakta ini tidak benar dan berbeza dengan bagaimana corak membaca dalam kalangan rakyat Malaysia biasanya digambarkan. Yunos (2018), dalam bukunya *Projek Bibliofil: Melawan Mitos Bangsa Malas Membaca*, telah menyenaraikan beberapa petua untuk menangani masalah blok pembaca, antaranya: (1) Segera tukar ke buku lain jika buku yang anda baca sekarang kelihatan tidak menarik; (2) Pilih buku yang nipis dan mudah dibaca; (3) Baca buku daripada pengarang atau genre kegemaran; (4) Pergi ke kedai buku fizikal atau dalam talian (5) Sertai kumpulan buku atau komuniti di platform media sosial yang berbeza; (6) Selesaikan terlebih dahulu perkara yang menjadi keutamaan sehingga pembaca berasa tenang dan bersedia untuk kembali ke suasana membaca. Untuk pembaca di peringkat pemula, terdapat banyak buku yang berkaitan dengan biblioholisme hanya untuk menggalakkan minat bacaan anda seperti *Risalah Malaysia Membaca*, *Kertas-Kertas Merubah Fikir*, *Passion for Books* dan sebagainya.

Sejujurnya, dunia buku penuh dengan warna. Ramai pembaca telah aktif menunjukkan buku yang telah mereka baca di platform media sosial seperti X (Twitter), Instagram, dan Facebook. Komuniti buku ini mengekalkan semangat membaca dengan membincangkan tajuk buku yang laris dan pelbagai jenis isu dalam dunia membaca. Jadual 1 menyenaraikan beberapa cadangan buku untuk buku Melayu dan Inggeris, dan genre berbeza iaitu fiksyen dan bukan fiksyen yang menarik bagi penulis. Penulis ingin mengingatkan bahwa motivasi kita untuk membaca akan lebih bersemangat jika kita tahu mengapa kita perlu membaca berdasarkan keperluan minda dan rohani kita, dan apakah genre atau siapakah penulis yang kita minati. Kita pun sedia maklum bahawa harga buku-buku fizikal bukanlah murah, jadi janganlah membazir sekiranya buku yang kita beli itu tidak kita nikmati dengan bersungguh-sungguh dan mengambil manfaat darinya. Pastikan kita membuat sedikit kajian sendiri mengenai buku tersebut sebelum membelinya.

KE MANA HILANGNYA MINAT MEMBACA ANDA? (samb.)

Cadangan Buku

Bukan Fiksyen Bahasa Inggeris:

1. Mindset oleh Carol S. Dweck
2. Atomic Habits oleh James Clear
3. Grit oleh Angela Lee Duckworth
4. Deep Work dan Digital Minimalism oleh Cal Newport
- Maybe You Should Talk To Someone oleh Lori Gottlieb

Fiksyen Bahasa Inggeris:

1. Babel oleh R. F. Kuang
2. A Man Called Ove oleh Fredrick Backman
3. The Forty Rules of Love oleh Elif Shafak
4. Sophie's World oleh Jostein Gaarder
- Where The Heart Is oleh Billie Letts

Bukan Fiksyen Bahasa Melayu:

1. Karya-karya Ustaz Hasrizal Abdul Jamil seperti Diari Abah, Jalan Sehalu dan Setia Pada Kebenaran
 2. Karya-karya HAMKA seperti Falsafah Hidup dan Tasawuf Moden
 3. Mengharmonikan Agama dan Falsafah oleh Ibn Rusyd
 4. Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri oleh Za'ba.
- Seruan Untuk Bekerja terjemahan Amru Sazali dan Rizky Febrin

Fiksyen dan Terjemahan Bahasa Melayu:

1. Karya terjemahan daripada penulis Indonesia, Andrea Hirata seperti Orang Orang Biasa dan Guru Aini
2. Salina oleh A. Samad Said
3. Lipur Lara Nusantara oleh Ninot Aziz
4. Ayun Tibow oleh Radzema Bolhassan
5. Hikayat Seribu Satu Malam terjemahan Hasri Hassan

Kesimpulannya, diharapkan aktiviti membaca bukan hanya tertumpu kepada pembacaan media sosial, surat khabar, dan artikel kajian demi KPI, tetapi banyak lagi buku bukan fiksyen dan fiksyen atau e-buku yang menanti kita. Kekangan masa juga seharusnya bukan alasan untuk tidak membaca. Jika seseorang itu dapat meletakkan telefonnya di tempat lain buat sementara waktu, mengurangkan masa untuk media sosial atau Netflix, dan mula mengambil buku, impian untuk melonjakkan Malaysia menjadi sebuah negara yang membaca bukanlah impian yang jauh. Membaca harus menjadi gaya hidup dan galakan pembelajaran sepanjang hayat.

Satu Jam Boleh Merubah Hidup

Penulis : Siti Faridah Kamaruddin & Dayang Hummida Abang Abdul Rahman


Satu jam. 60 minit. 3600 saat. Apakah yang boleh kita lakukan dalam masa satu jam? Mungkin jawapan anda ialah menikmati hidangan di sebuah kafe hipster sambil menikmati kopi dan sepotong kek. Ada juga yang mungkin berkata, "Saya boleh menonton satu episod drama Korea di Netflix!" Anda mungkin terfikir untuk sekadar melihat-lihat kedai di pusat beli-belah kerana masih menunggu gaji. Atau mungkin juga anda akan memilih untuk menatal media sosial kegemaran anda seperti Facebook, Instagram, atau X (Twitter). Namun, jika anda seperti penulis, jawapannya adalah, "Jika saya ada satu jam masa lapang tanpa gangguan, saya ingin membaca."



Menurut penulis terkenal, Harlan Coben, dalam satu temu bualnya di rancangan BBC The One Show yang dimuat naik di Instagram pada 8 Jun 2024, beliau berkongsi, "Secara saintifik, membaca sebenarnya baik untuk anda. Membaca buku, walaupun hanya lima minit sehari, bukan menatal telefon pintar anda, dapat meningkatkan empati, mengurangkan tekanan, dan memperbaiki kesihatan mental. Kajian kini membuktikannya melalui sains. Jadi, saya suka bahawa Permaisuri (merujuk kepada mendiang Ratu Elizabeth) telah mengamalkan tabiat ini. Sebagai tambahan kepada berjalan 10,000 langkah sehari dan makan lima jenis buah-buahan dan sayuran, sekarang kita juga perlu membaca sekurang-kurangnya lima minit sehari. Itulah yang dilakukan oleh Permaisuri, dan saya memuji beliau atas tabiatnya itu."

Bayangkan, dengan hanya membaca selama lima minit sehari, anda sudah mendapat banyak kebaikan, sama seperti berjalan 10,000 langkah dan makan pelbagai jenis buah-buahan dan sayur-sayuran (walaupun penulis tidak bermaksud meniadakan kepentingan kedua-dua amalan ini). Itu baru lima minit. Bagaimana pula jika kita membaca selama 60 minit sehari? Sudah tentu manfaat yang diperoleh berlipat ganda.

Penulis juga ingin berkongsi kata-kata Profesor Bambang Sugiharto pada Festival Membaca Bandung 2019, yang dimuat naik semula oleh akaun Literasi Kata di TikTok pada 12 Julai 2024. Beliau berkata, "Mengapa kita perlu membaca novel, bukan hanya buku akademik? Novel adalah rakaman jatuh bangunnya manusia, kerumitan emosi dan imaginasi. Ia penting kerana ia merupakan karya peribadi, dan kehidupan itu lebih kompleks daripada ilmu pengetahuan atau sains. Semakin banyak kita membaca novel, semakin kita mengenali pelbagai bentuk kehidupan yang mungkin pelik bagi kita. Ini penting untuk menumbuhkan empati terhadap kemanusiaan."



Satu Jam Boleh Merubah Hidup (samb.)

Penulis sangat setuju dengan pandangan Profesor Bambang bahawa kehidupan itu penuh dengan keanehan. Kita mungkin tidak akan mengalami kehidupan seperti Harry Potter yang bermain Quidditch di atas penyapu terbang. Dunia kita juga bukan seperti dunia distopia yang digambarkan dalam siri Divergent oleh Veronica Roth, The Maze Runner oleh James Dashner, atau The Hunger Games oleh Suzanne Collins, di mana hidup kita diatur mengikut sifat kemanusiaan seperti keberanian, kebijaksanaan, dan kejujuran. Namun, kisah-kisah seperti ini hanya dapat kita alami melalui pembacaan.



Menyentuh tentang keanehan kehidupan, kita juga hanya dapat memahami kesengsaraan saudara-saudara kita di Palestin dan negara-negara Islam yang lain melalui buku-buku yang ditulis oleh penulis dari negara tersebut. Contohnya, *As Long As The Lemon Trees Grow* oleh Zoulfa Katouh menceritakan kisah seorang ahli farmasi wanita yang tidak terlatih, tetapi terpaksa bertindak sebagai doktor untuk menyelamatkan mangsa perang di Syria. Begitu juga dengan novel *Against The Loveless World* oleh Susan Abulhawa, yang mengisahkan perjuangan seorang wanita dalam Organisasi Pembebasan Palestin, beroperasi secara rahsia di bilik bawah tanah.

Mungkin ada pembaca yang tertanya-tanya, "Penulis ini asyik bercakap tentang kebaikan membaca, tapi ambil sumber dari Instagram dan TikTok?" Baiklah, penulis ingin berkongsi bagaimana tabiat membaca menjadikan kita lebih pintar. Dalam bukunya *Mindset*, Dr. Carol S. Dweck dari Universiti Stanford menulis, "Apabila kita membaca atau mempelajari perkara baharu, rangkaian dalam otak kita bertambah dan menjadi semakin kuat. Semakin banyak kita membaca, semakin otak kita berkembang." (Muka Surat 229).

Maka, saudara dan saudari, membaca bukan sahaja terhad kepada buku ilmiah. Apa jua bahan bacaan, sama ada fiksyen atau bukan fiksyen, boleh memberi manfaat yang besar.





FINTECH EMPOWERMENT FOR MALAYSIAN WOMEN ENTREPRENEUR

Written by: *Carolyn Ann Enchas*

Over the past few decades, technological advancements have significantly expanded, leading to the widespread adoption of digital financial services, including mobile and internet-based transactions. This shift accelerated even more during the COVID-19 pandemic. The emergence of financial technology (fintech) in Malaysia is transforming opportunities for women entrepreneurs, equipping them with modern resources to attain financial independence and grow their enterprises. Fintech is enabling women by tackling the conventional obstacles they encounter in obtaining funding, enhancing financial literacy, and assisting them in creating supportive networks.

Securing funding is a significant obstacle for female entrepreneurs in Malaysia. Fintech firms are tackling this problem by offering digital alternatives for women who do not have banking access or are underserved. According to Multiply Assist Donate Cash (MADCash), there are 13.7 million individuals in Malaysia who are underbanked, meaning they have a bank account but do not actively utilize it or the services offered by the bank to manage their financial well-being.

Fintech is significantly contributing to financial inclusion by offering cost-effective and accessible financial services, especially for women in marginalized communities. For example, Women's World Banking (2023) highlights that fintechs are crucial in providing digital financial services tailored to the needs of low-income women, which enhances their financial independence and economic resilience. Research suggests that fintech significantly contributes to financial inclusion, particularly in empowering women, by offering accessible and affordable services (Moghadam & Karami, 2023).



Fintech refers to mobile apps, software, and other technologies that allow individuals and businesses to access and manage their financial matters online. According to Goo & Heo (2020), fintech revolves around providing traditional financial services in new forms using technology. The fintech industry encompasses various areas, including payment, billing, lending, wealth management, money transfer, mortgage, and real estate to insurance, personal finance, capital market, blockchain, and cryptocurrency.






FINTECH EMPOWERMENT FOR MALAYSIAN WOMEN ENTREPRENEUR (cont)

Digital lending platforms help women entrepreneurs bypass traditional barriers such as lack of collateral or limited credit history. By assessing creditworthiness through alternative data, these platforms allow women to obtain financing and expand their businesses more effectively.

Additionally, fintech platforms offer peer-to-peer lending and crowdfunding, giving women direct access to investors. The rise of mentorship programs, like WENA's Mentoring Women for Global Businesses, helps build networks, offering guidance and collaboration opportunities to female entrepreneurs.

As fintech continues to evolve, its role in empowering women entrepreneurs in Malaysia will become increasingly important, providing them with the tools, resources, and networks to thrive in the country's growing digital economy.



THANK YOU

Sekalung Penghargaan



25 TAHUN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Sarawak

Sekalung Penghargaan & Terima Kasih

PROF. MADYA DR. ABDUL RAZAK BIN ABDUL KADIR
Mantan Penolong Rektor Kampus Mukah
UiTM Cawangan Sarawak

Atas sumbangan dan bakti beliau sepanjang tempoh berkhidmat sebagai Penolong Rektor Kampus Mukah bermula **15 Januari 2023** sehingga **31 Julai 2024**.

SELAMAT MAJU JAYA
Daripada:
Seluruh Warga UiTM Cawangan Sarawak

UiTM *di hatiku* اوسنها، نقوى، موليا

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UiTM Cawangan Sarawak

UiTM Cawangan Sarawak



25 TAHUN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Sarawak

Sekalung Penghargaan & Terima Kasih

PUAN CAROLIN ANN BINTI ENCHAS
Mantan Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah

Atas sumbangan dan bakti beliau sepanjang tempoh berkhidmat sebagai Ketua Pusat Pengajian Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah bermula **1 September 2022** sehingga **31 Ogos 2024**.

SELAMAT MAJU JAYA
Daripada:
Seluruh Warga UiTM Cawangan Sarawak

UiTM *di hatiku* اوسنها، نقوى، موليا

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UiTM Cawangan Sarawak

UiTM Cawangan Sarawak

CONGRATULATIONS!

Tahniah & Syabas

25 TAHUN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Sarawak

Setinggi tinggi
Tahniah

DR. ABDUL JABBAR ABDULLAH
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan Perniagaan

atas pelantikan sebagai
PENOLONG REKTOR KAMPUS MUKAH
berkuat kuasa mulai
1 OGOS 2024 sehingga **31 JULAI 2026**

SELAMAT MENJALANKAN TUGAS
Daripada:
Seluruh Warga UiTM Cawangan Sarawak

UiTM di hatiku اوسها، تقوى، موليا

GLOBALLY RENOWNED UNIVERSITY

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UiTM Cawangan Sarawak

UiTM Cawangan Sarawak

CONGRATULATIONS!

Tahniah & Syabas



25 TAHUN
1999-2024

UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak

Tahniah Dan Syabas

DR. YUSMAN BIN YACOB
Pensyarah Kanan
atas pelantikan sebagai
KETUA PUSAT PENGAJIAN
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah
berkuat kuasa mulai
1 SEPTEMBER 2024 SEHINGGA 30 NOVEMBER 2024
DARIPADA SELURUH WARGA UiTM CAWANGAN SARAWAK

UiTM *di hantui* اوسمها، تقوى، موليا

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UiTM Cawangan Sarawak

UiTM Cawangan Sarawak



25 TAHUN
1999-2024

UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak

Tahniah Dan Syabas

DR. MUHAMMAD SHAHIMI BIN ARIFFIN
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik
UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah
atas penganugerahan
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(Matematik)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
berkuat kuasa pada
23 OGOS 2024
DARIPADA SELURUH WARGA UiTM CAWANGAN SARAWAK

UiTM *di hantui* اوسمها، تقوى، موليا

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UiTM Cawangan Sarawak

UiTM Cawangan Sarawak

CONGRATULATIONS!

Tahniah & Syabas



Cawangan Sarawak

Tahniah Dan Syabas

**DR. SHARIFAH RAINA BINTI
MANAF**
Pensyarah Kanan

atas pelantikan sebagai
PENYELARAS
BUSINESS INNOVATION TECHNOLOGY
COMMERCIALIZATION (BITCOM)
UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah
berkuat kuasa mulai
1 OGOS 2024 SEHINGGA 31 JULAI 2026

DARIPADA SELURUH WARGA UiTM CAWANGAN SARAWAK



UiTM *di hanku* اوسها، تقوى، موليا

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UiTM Cawangan Sarawak



UiTM Cawangan Sarawak



Cawangan Sarawak

Tahniah & Syabas

VALERIE CHAN SUE LIN BINTI ABDULLAH
CINDY ANAK ROBERT
STEFANIE NATASHA RICH ANAK JOSEPH
SAIRA AK JOE
Pensyarah Akademi Pengajian Bahasa

atas pencapaian
TAMAT PENGAJIAN
International Professional Development Programme
**Online Professional English Network 2024
(OPEN 2024)**
Julai - Ogos 2024

Daripada:
SELURUH WARGA UiTM CAWANGAN SARAWAK



UiTM *di hanku* اوسها، تقوى، موليا

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UiTM Cawangan Sarawak



UiTM Cawangan Sarawak

CONGRATULATIONS!

Tahniah & Syabas



Tahniah & Syabas

MOHD HAFIZZ BIN WONDI
Fakulti Perladangan & Agroteknologi

atas pencapaian
PENERBITAN ARTIKEL DALAM JURNAL BERIMPAK TINGGI Q1
untuk kertas penyelidikan bertajuk
Development and testing of an oil palm (Elaeis guineensis Jacq.) fruit digester process for kernel free in crude palm oil production.

dalam jurnal
INDUSTRIAL CROPS AND PRODUCTS
Penerbit
ELSEVIER

Daripada:
SELURUH WARGA UITM CAWANGAN SARAWAK



Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UITM Cawangan Sarawak

UITM Cawangan Sarawak



Tahniah & Syabas



MUHAMMAD SHAHIMI BIN ARIFFIN
Kolej Pengajian Pengkomputeran,
Informatik & Matematik, Kampus Mukah

atas pelantikan sebagai
KAPTEN BERSEKUTU (PA)
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)
berkuat kuasa mulai 27 Jun 2024

Daripada:
Seluruh Warga UiTM Cawangan Sarawak

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UITM Cawangan Sarawak

UITM Cawangan Sarawak

CONGRATULATIONS!

Tahniah & Syabas



Tahniah & Syabas

TS. DR. MOHAMAD IZWAN BIN ISMAIL
Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Gunaan
UITM Kampus Mukah

atas pencapaian memperoleh anugerah

EMAS

BEST INNOVATOR AWARD
Kategori: *Professional Innovator*
untuk projek inovasi bertajuk
DEADLY MICROBES
dalam pertandingan
SMART INNOVATION COMPETITION 2024 INTERNATIONAL LEVEL
28 SEPTEMBER 2024

Daripada:
SELURUH WARGA UITM CAWANGAN SARAWAK



Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UITM Cawangan Sarawak

UITM *di hatiku* اوسها، تقوى، موليا

GLOBALLY RENOWNED UNIVERSITY

UITM Cawangan Sarawak



Tahniah & Syabas

SYAZANNA BINTI MOHAMAD
NUR HANNAH MAISARAH BINTI SHAM
Pelajar Diploma Pengeluaran Herba
UITM Kampus Mukah

TS. DR. MOHAMAD IZWAN BIN ISMAIL
Penasihat
Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Gunaan
UITM Kampus Mukah

atas pencapaian memperoleh anugerah

PERAK

Kategori: *Senior Inventor*
untuk projek inovasi bertajuk
CELLULAR ODYSSEY
dalam pertandingan
SMART INNOVATION COMPETITION 2024 INTERNATIONAL LEVEL
28 SEPTEMBER 2024

Daripada:
SELURUH WARGA UITM CAWANGAN SARAWAK



Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UITM Cawangan Sarawak

UITM *di hatiku* اوسها، تقوى، موليا

GLOBALLY RENOWNED UNIVERSITY

UITM Cawangan Sarawak

CONGRATULATIONS!

Tahniah & Syabas



25 TAHUN
1979-2024

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Sarawak

Tahniah & Syabas

SYAZZANNA BINTI MOHAMAD
NUR HANNAH MAISARAH BINTI SHAM
Pelajar UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah

TS. DR. MOHAMAD IZWAN BIN ISMAIL
Penasihat
Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Gunaan
UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah

atas pencapaian memperoleh anugerah

EMAS

Kategori
Innovation in Teaching and Learning (Student)
untuk inovasi bertajuk
CELLULAR ODYSSEY
dalam pertandingan
THE THIRD INTERNATIONAL COMPETITION ON SUSTAINABLE EDUCATION 2024 (SUSED 2024)

Daripada:
SELURUH WARGA UiTM CAWANGAN SARAWAK

UiTM *di hatuku* اوسها، تقوى، موليا

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UiTM Cawangan Sarawak

UiTM Cawangan Sarawak



25 TAHUN
1979-2024

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Sarawak

Tahniah & Syabas

MOHAMAD FARIS SYAZWANI BIN MOHAMAD ISWANDY
NUR HANNAH MAISARAH BINTI SHAM
Pelajar UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah

TS. DR. MOHAMAD IZWAN BIN ISMAIL
Penasihat
Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Gunaan
UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah

atas pencapaian memperoleh anugerah

EMAS

Kategori
Innovation in Teaching and Learning (Student)
untuk inovasi bertajuk
MITOTIC SAGA
dalam pertandingan
THE THIRD INTERNATIONAL COMPETITION ON SUSTAINABLE EDUCATION 2024 (SUSED 2024)

Daripada:
SELURUH WARGA UiTM CAWANGAN SARAWAK

UiTM *di hatuku* اوسها، تقوى، موليا

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UiTM Cawangan Sarawak

UiTM Cawangan Sarawak

CONGRATULATIONS!

Tahniah & Syabas

Tahniah & Syabas

AKMAL SHAFIQ BIN BADARUL AZAM (KETUA)
UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah

DR. ABDUL KADIR BIN JUMAAT
PROF. MADYA DR. SHAFAT BINTI IBRAHIM
UiTM Shah Alam

LOKMAN HAKIM
JOSH CARLOS ANAK JACKY
MUHAMMAD LUQMAN BIN ABDUL LAMIT
Pelajar Fakulti Sains Cunaan
UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah

atas pencapaian memperoleh anugerah

PERAK

untuk projek inovasi bertajuk
**MEDMATHEMATICA: A COMPUTER-AIDED
CANCER SEGMENTATION SYSTEM**

dalam pertandingan
**OPEN INTERNATIONAL INNOVATION CHALLENGE 2024
(OpIIC2024), 5 SEPTEMBER 2024**

Daripada:
SELURUH WARGA UiTM CAWANGAN SARAWAK

UiTM *di hatuku* | اوسها، تقوى، موليا | **GLOBALLY RENOWNED UNIVERSITY** | Terbitan: Unit Komunikasi Korporat, UiTM Cawangan Sarawak | UiTM Cawangan Sarawak

Tahniah & Syabas

MUHAMMAD ZULKHAIRI BIN ZAKARIAH (KETUA)
AKMAL SHAFIQ BIN BADARUL
MUHAMMAD SHAHIMI BIN ARIFFIN
Pensyarah Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik & Matematik (KPPIM)
UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah

MUHAMMAD ANAS BIN ABDUL RAZAK
Pensyarah Akademi Pengajian Bahasa
UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah

MOHD ZUHAILI BIN KAMAL BASIR
Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah

atas pencapaian memperoleh anugerah

PERAK

untuk projek inovasi bertajuk
**ED-STATS: INTERACTIVE LEARNING TOOL FOR
INTRODUCTION TO STATISTICS**

dalam pertandingan
INTERNATIONAL TEACHING AID COMPETITION 2024 (ITAC2024)
27 JULAI 2024

Daripada:
SELURUH WARGA UiTM CAWANGAN SARAWAK

UiTM *di hatuku* | اوسها، تقوى، موليا | **GLOBALLY RENOWNED UNIVERSITY** | Terbitan: Unit Komunikasi Korporat, UiTM Cawangan Sarawak | UiTM Cawangan Sarawak

CONGRATULATIONS!

Tahniah & Syabas

Tahniah & Syabas

**DR. YUSMAN BIN YACOB
DR. MALVERN BIN ABDULLAH
UMI INSYIRAH BINTI PAKASA
JOHARI BIN ABDULLAH**

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

atas pencapaian memperoleh anugerah

PERAK

untuk projek bertajuk

PROGRAD: A MICROSOFT EXCEL DASHBOARD TO ENHANCE MONITORING AND SUPERVISION OF POSTGRADUATE STUDENTS

dalam pertandingan

INTERNATIONAL TEACHING AID COMPETITION 2024 (ITAC)
27 JULY 2024

Daripada:
SELURUH WARGA UiTM CAWANGAN SARAWAK

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UiTM Cawangan Sarawak

Tahniah & Syabas

**ADLINA ZAHWA BINTI ABDUL RAHMAN
CHRISTOPHER LAMADA JOSHUA
NUR ALIYA KHOO BINTI FADZHULLAH KHOO
LAWRENCE STEVEN IMBANG**

Pelajar UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah

SITI FARIDAH BINTI KAMARUDDIN

Pensyarah Akademi Pengajian Bahasa Kampus Mukah

atas pencapaian memperoleh anugerah

PERAK

untuk produk bertajuk

MELODIES OF SURPRISES

dalam pertandingan

INTERNATIONAL INNOVATIVE COMPETITION ON LANGUAGES, EDUCATION AND SOCIETIES (IINNCOME) 2024
28 JUN 2024

Daripada:
SELURUH WARGA UiTM CAWANGAN SARAWAK

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UiTM Cawangan Sarawak

CONGRATULATIONS!

Tahniah & Syabas



25 TAHUN 1971-2024
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Sarawak

Tahniah & Syabas

ILYA IZZATUL ERFA BINTI MOHAMAD
JACQULINE TERESA ANAK SULANG
NUR FILZATUNNAFSI BINTI FARIZAN
Pelajar BAIII (Diploma Pengajian Perniagaan) Kampus Mukah
DAYANG HUMMIDA ABANG ABDUL RAHMAN
(PENASIHAT)
Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Kampus Mukah

atas pencapaian memperoleh anugerah :

- 1) **GOLD AWARD**
- 2) **BEST OF THE BEST INNOVATION**
- 3) **BEST PITCHING**

untuk produk bertajuk
EcoPoly.Go
dalam pertandingan
**YOUTH ENTREPRENEURSHIP & INNOVATION PROGRAM
(Y.E.I.P) 2024
8 JUN 2024**

Daripada:
SELURUH WARGA UiTM CAWANGAN SARAWAK

UiTM *di hatiku* اوسها، تقوى، موليا

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UiTM Cawangan Sarawak

UiTM Cawangan Sarawak



25 TAHUN 1971-2024
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Sarawak

Tahniah & Syabas

ILYA IZZATUL ERFA BINTI MOHAMAD
JACQULINE TERESA ANAK SULANG
NUR FILZATUNNAFSI BINTI FARIZAN
Pelajar BAIII (Diploma Pengajian Perniagaan) Kampus Mukah
DR. HABSAB BINTI MOHAMAD SABLII
Pensyarah Politeknik Mukah
DAYANG HUMMIDA ABANG ABDUL RAHMAN
(PENASIHAT)
Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Kampus Mukah

atas pencapaian memperoleh anugerah :

PERAK

untuk produk bertajuk
EcoPoly.Go
dalam pertandingan
**VIRTUAL INNOVATION COMPETITION 2024
26 JUN 2024**

Daripada:
SELURUH WARGA UiTM CAWANGAN SARAWAK

UiTM *di hatiku* اوسها، تقوى، موليا

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UiTM Cawangan Sarawak

UiTM Cawangan Sarawak

CONGRATULATIONS!

Tahniah & Syabas



Tahniah & Syabas

GEOGRREY CLARRY ANAK GARRY
CHAROLYNA BINTI SUHARTO
MOHAMAD KHAIRULAMIRIN BIN YUSOP
NUR SYAFIQAH BINTI HUSSEIN
RESA CLAUDIA CLARA ANAK ROBERT
Pelajar Fakulti Pengurusan & Perniagaan (Kampus Mukah)

AZLAN YUSOF PUNDING
Penasihat (Pensyarah ACIS, Kampus Mukah)

atas pencapaian memperoleh anugerah

EMAS

untuk produk bertajuk
i-BanCross
dalam pertandingan
YOUTH INNOVATION COMPETITION (YIC) 2024
8 JUN 2024

Daripada:
SELURUH WARGA UTM CAWANGAN SARAWAK



UiTM *di hatiku* اوسها، تقوى، موليا

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UITM Cawangan Sarawak

UITM Cawangan Sarawak



Tahniah & Syabas

GEOGRREY CLARRY ANAK GARRY
CHAROLYNA BINTI SUHARTO
MOHAMAD KHAIRULAMIRIN BIN YUSOP
NUR SYAFIQAH BINTI HUSSEIN
RESA CLAUDIA CLARA ANAK ROBERT
Pelajar Fakulti Pengurusan & Perniagaan (Kampus Mukah)

AZLAN YUSOF PUNDING
Penasihat (Pensyarah ACIS, Kampus Mukah)

atas pencapaian memperoleh anugerah

EMAS

untuk produk bertajuk
i-BanCross
dalam pertandingan
INVENTION & INNOVATION OF IDEAS 2024
19 MEI 2024

Daripada:
SELURUH WARGA UTM CAWANGAN SARAWAK



UiTM *di hatiku* اوسها، تقوى، موليا

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UITM Cawangan Sarawak

UITM Cawangan Sarawak

CONGRATULATIONS!

Tahniah & Syabas



Tahniah & Syabas

CHAROLYNA BINTI SUHARTO
MOHAMAD KHAIRULAMIRIN BIN YUSOP
GEOGRREY CLARRY ANAK GARRY
RESA CLAUDIA CLARA ANAK ROBERT
NUR SYAFIQAH BINTI HUSSEIN
Pelajar Fakulti Pengurusan & Perniagaan (Kampus Mukah)

AZLAN YUSOF PUNDING
Penasihat (Pensyarah ACIS, Kampus Mukah)

atas pencapaian memperoleh anugerah

PERAK

untuk produk bertajuk
i-Cons
dalam pertandingan
VIRTUAL INNOVATION COMPETITION 2024
26 JUN 2024

Daripada:
SELURUH WARGA UTM CAWANGAN SARAWAK



UiTM *di hatiku* اوسها، تقوى، موليا

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UITM Cawangan Sarawak

UITM Cawangan Sarawak



Tahniah & Syabas

GEOGRREY CLARRY ANAK GARRY
CHAROLYNA BINTI SUHARTO
MOHAMAD KHAIRULAMIRIN BIN YUSOP
NUR SYAFIQAH BINTI HUSSEIN
RESA CLAUDIA CLARA ANAK ROBERT
RIGGS RUSSEL LADEE SIMON
Pelajar Fakulti Pengurusan & Perniagaan (Kampus Mukah)

AZLAN YUSOF PUNDING
Penasihat (Pensyarah ACIS, Kampus Mukah)

atas pencapaian memperoleh anugerah

GANGSA

untuk produk bertajuk
i-BanCross
dalam pertandingan
VIRTUAL INNOVATION COMPETITION 2024
26 JUN 2024

Daripada:
SELURUH WARGA UTM CAWANGAN SARAWAK



UiTM *di hatiku* اوسها، تقوى، موليا

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UITM Cawangan Sarawak

UITM Cawangan Sarawak

CONGRATULATIONS!

Tahniah & Syabas



25 TAMIL 2024
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Sarawak

Tahniah & Syabas

TS. DR. MOHAMAD IZWAN BIN ISMAIL
Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Gunaan
UiTM Kampus Mukah

SYAZZANNA BINTI MOHAMAD
NUR HANNAH MAISARAH BINTI SHAM
Pelajar Diploma Pengeluaran Herba
UiTM Kampus Mukah

atas pencapaian
PEMFAILAN HAK CIPTA
kategori : **ARTISTIC**

untuk karya bertajuk
CELLULAR ODYSSEY

Daripada:
SELURUH WARGA UiTM CAWANGAN SARAWAK

MyIPO

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UiTM Cawangan Sarawak

UiTM di hatiku اوسها، تقوى، موليا

GLOBALLY RENOWNED UNIVERSITY

UiTM Cawangan Sarawak



25 TAMIL 2024
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Sarawak

Tahniah & Syabas

MUHAMMAD ZULKHAIRI BIN ZAKARIAH (KETUA)
AKMAL SHAFIQ BIN BADARUL
MUHAMMAD SHAHIMI BIN ARIFFIN
MUHAMMAD ANAS BIN ABDUL RAZAK
MOHD ZUHAILI BIN KAMAL BASIR
Pensyarah UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah

NOR FARIHAH BINTI AZMAN
Pensyarah UiTM Shah Alam

atas pencapaian
PEMFAILAN HAK CIPTA
kategori : **SASTERA**

untuk karya bertajuk
Ed-Stats

Daripada:
SELURUH WARGA UiTM CAWANGAN SARAWAK

MyIPO

Terbitan:
Unit Komunikasi Korporat
UiTM Cawangan Sarawak

UiTM di hatiku اوسها، تقوى، موليا

GLOBALLY RENOWNED UNIVERSITY

UiTM Cawangan Sarawak

CONGRATULATIONS!

Tahniah & Syabas




Cawangan Sarawak

Tahniah & Syabas

ILYA IZZATUL ERFA BINTI MOHAMAD
JACQULINE TERESA ANAK SULANG
NUR FILZATUNNAFSI BINTI FARIZAN
 Pelajar BAIII (Diploma Pengajian Perniagaan) Kampus Mukah

DR. HABSAB BINTI MOHAMAD SABL
 Pensyarah Politeknik Mukah

DAYANG HUMMIDA ABANG ABDUL RAHMAN
 Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Kampus Mukah

atas pencapaian

PEMFAILAN HAK CIPTA

kategori : **SASTERA**
 untuk karya bertajuk
EcoPoly.Go



Daripada:
SELURUH WARGA UITM CAWANGAN SARAWAK




اوسها، تقوى، مولىا



Terbitan:
 Unit Komunikasi Korporat
 UITM Cawangan Sarawak



UITM Cawangan Sarawak




Cawangan Sarawak

Tahniah & Syabas

SARAH FARHANA BINTI ZAMALIK (KETUA)
 UITM Shah Alam

PUTERI FAIDA ALYA BINTI ZAINUDDIN
PROF.MADYA DR. TANG HOWE ENG
SUFFINA BINTI LONG
 UITM Cawangan Sarawak

MOHD SYAFIQ BIN ABDUL RAHMAN
 UITM Cawangan Pulau Pinang

atas pencapaian

PEMFAILAN HAK CIPTA

kategori : **SASTERA**
 untuk karya bertajuk
QUADZZLE

Daripada:
SELURUH WARGA UITM CAWANGAN SARAWAK








اوسها، تقوى، مولىا



Terbitan:
 Unit Komunikasi Korporat
 UITM Cawangan Sarawak



UITM Cawangan Sarawak

Bantu pasar produk sagu

| NUR FARIHAN RAZALI

suarasarawak.news@gmail.com

MUKAH: Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah mengadakan pameran mini bertemakan *Mukah, Home of Sagu* sempena Impact Digital Community Tourism (IDCT), di Tapak Pesta Kaul, di sini, baru-baru ini.

Mentor IDCT UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah Noraini Sa'ait berkata, program ini dilaksanakan oleh lima pelajar Fakulti Pengurusan dan Perniagaan iaitu *The Explorer*.

"Mereka ialah Awang Razin Awg Baderulhisam, Wan Farah Nurina Wan Ahmadi, Sharifah Nur Afiqah Wan Morshidi, Sally Deborah Danes dan Fadzreen Mustapha.

"Pasukan *The Explorer* memilih Mukah sebagai lokasi untuk diketengahkan dan memberi fokus kepada makanan berasaskan sagu.

"Pemilihan ini berdasarkan produk makanan tradisional di

Mukah yang kebanyakannya dihasilkan daripada pokok rumbia yang dikenali sebagai 'pokok balau' dan 'pokok sagu,' katanya.

Mengulas lanjut, pameran mini yang diadakan mempamerkan hasil tangan pelajar dalam membantu komuniti setempat untuk memasarkan produk makanan berasaskan sagu.

"Ini termasuk sagu, linut, tebaloi, kuih sepiit tepung lemantak, cendol lemantak dan sebagainya.

"Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk pemasaran melalui aplikasi TikTok 'Home Of Sagu,' laman sesawang dan 'flipbook' bagi memaksimumkan perkongsian.

"Bukan itu sahaja, pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini berlangsung seperti permainan dan cabutan bertuah," jelasnya.

Ujarnya, melalui program seperti ini, pelajar dapat memanfaatkan ilmu yang telah dipelajari dengan memberikan khidmat komuniti kepada orang ramai.

Noraini berharap usaha ini dapat menaikkan nama Mukah agar lebih dikenali di serata dunia dan meraih minat pengunjung luar untuk datang dan merasai pengalaman menikmati makanan tradisional masyarakat Melanau Mukah, sekali gus melihat keindahan tempat dan budaya masyarakat di sini.

Program ini juga menerima kunjungan Ahli Dewan Undangan Negeri Tellian Royston Valentine yang menzahirkan sokongan atas usaha yang dilakukan oleh pelajar serta berharap ia dapat diteruskan dari semasa ke semasa.

Terdahulu, program ini melibatkan 16 pasukan terdiri daripada beberapa universiti awam dan kolej komuniti di Sabah dan Sarawak.

Objektif utama program IDCT yang telah dijalankan sejak Oktober 2023 ini adalah untuk meningkatkan pelancongan komuniti melalui penjenamaan, kehadiran mereka dan penghasilan pendapatan.



RAKAM KENANGAN...Royston merakam kenangan bersama-sama pihak UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah semasa kunjungan beliau ke program tersebut.



TAHNIHAH... Royston (lima kanan) menyampaikan hadiah kepada pemenang untuk Program Mth Step-Up@UiTM Mukah, semalam.

Kenal pasti potensi pelajar

| NUR FARIHAN RAZALI
suarasarawak.news@gmail.com

MUKAH: Subjek Matematik amat penting dan memerlukan pelajar untuk mempelajarinya bermula daripada asas.

Ahli Dewan Undangan Negeri Tellian Royston Valentine berkata, selain guru, ibu bapa juga memainkan peranan penting untuk memastikan anak-anak belajar Matematik.

"Ibu bapa bertanggungjawab untuk mendidik anak-anak dalam subjek ini, tetapi, perlu diingatkan, subjek-subjek lain juga perlu diberi perhatian," katanya.

Beliau berkata demikian berucap merasmikan Program Math Step-Up@UiTM Mukah, di sini, semalam.

Program itu dianjurkan oleh Pusat

Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah melalui Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM) dengan kerjasama Biro Pendidikan Mukah dan Pejabat Pendidikan Daerah Mukah.

Royston memberitahu, pelaksanaan program sebegini amat baik.

"Selain Matematik, subjek lain juga boleh melakukan program yang sama.

"Ini kerana, dalam tempoh pembelajaran ada peringkat untuk mengenal pasti potensi pelajar," jelasnya.

Sehubungan itu, Royston menasihati peserta yang menghadiri program supaya tidak menyalahgunakan telefon pintar yang diberikan oleh ibu bapa.

Ujarnya, pemberian itu adalah untuk

membantu pelajar dalam pembelajaran, sekali gus memudahkan mereka mendapatkan maklumat.

"Dengan doa dan usaha, tentu pelajar boleh mencapai kejayaan yang diimpikan," tambahnya.

Dalam pada itu, seramai 60 pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mukah, SMK Three Rivers dan SMK St. Patrick menghadiri program ini.

Tujuan utama program ini adalah untuk memberi pendedahan lebih jelas berkaitan subjek Matematik Moden selain menjadi persediaan awal kepada peserta yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia.

Penolong Rektor UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah Profesor Madya Dr Abdul Razak Abdul Kadir turut hadir.



Universiti bantu komuniti

| NUR FARIHAN RAZALI
suarasarawak.news@gmail.com

MUKAH: Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah membantu komuniti Teliian melalui beberapa program bagi meningkatkan pendapatan penduduk setempat.

Ahli Dewan Undangan Negeri Teliian Royston Valentine berkata, pelaksanaannya adalah untuk kemajuan dan peningkatan taraf ekonomi hidup komuniti setempat.

"Ia dijangka mampu melonjakkan pendapatan mereka khususnya golongan berpendapatan rendah dan yang memerlukan perhatian daripada pihak kerajaan.

"Dengan adanya program seperti ini juga, ia sekali gus memperkenalkan Mukah sebagai destinasi pelancongan yang dipilih ramai," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi teks ucapan yang dibacakan oleh Walikota Majlis Daerah Dalat dan Mukah (MDDM) Aini Suhaili dalam Majlis Makan Malam Program Celik Kewangan dan Asas Penubuhan Homestay Komuniti Teliian Mukah, di Hotel Kingwood, malam kelmarin.

Terdapat empat program telah dilaksanakan. Antaranya Program Kesedaran dan Kesediaan Komuniti, Program Pembangunan Komuniti



TERIMA KASIH... Aini (tiga kanan) menerima cenderamata daripada pihak UiTM dalam majlis tersebut.

melalui Ekopelancongan dan Keusahawanan Teliian Mukah, Program Pembangunan Produk Ekopelancongan dan Pembangunan Aplikasi Mobile Komuniti Teliian serta Program Celik Kewangan dan Asas Penubuhan Homestay Komuniti Teliian.


"Dengan pelaksanaan program ini, diharapkan ia dapat memacu ke arah

mewujudkan peluang pekerjaan, memupuk minda kreatif dan inovatif kepada komuniti di sini.

"Bukan itu sahaja, mereka dapat mempelbagaikan aktiviti perniagaan serta memberikan bimbingan mengenai teknik dan kaedah dalam mempromosikan produk melalui laman web, blog, media sosial, media elektronik dan sebagainya," jelasnya.

"Diharapkan program seperti ini akan diteruskan pada masa akan datang," tambahnya.

Mengenai Program Celik Kewangan dan Asas Penubuhan Homestay Komuniti Teliian, ia diadakan pada 1 hingga 2 Mac lalu dan merupakan penutup untuk kesemua program yang dilaksanakan.





AINI and others record memories with participants at the event.

UiTM lauded for community upliftment efforts

MUKAH: The Faculty of Management and Business at Universiti Teknologi Mara (UiTM) Mukah Campus has initiated several programmes aimed at increasing the income of the Teliian community.

Teliian assemblyman Royston Valentine said that these efforts were designed to elevate the

economic standards and quality of life for the local populace.

"They are expected to boost incomes, especially among low-income groups and those requiring government assistance," he said in a speech read by Aini Suhaili, chairman of the Dalat and Mukah District Council (MDDM) at the Financial Literacy Programme

Dinner and Basics of Establishing the Teliian Community Homestay, held at the Kingwood Hotel here recently.

Royston stressed the potential of such initiatives to not only improve local livelihoods but also to position Mukah as a preferred tourist destination.

Meanwhile, he outlined four key

programmes already in motion, namely, the Community Awareness and Readiness Programme, the Community Development Programme through Teliian Mukah Ecotourism and Entrepreneurship, the Teliian Community Ecotourism Product Development Programme and Mobile Application Development, and the Financial

Literacy Programme along with the Basics of Establishing a Teliian Community Homestay.

"These initiatives aim to create job opportunities, cultivate innovative thinking and diversify business ventures. They offer guidance on effective product promotion through various digital platforms," he added.



RAKAM KENANGAN... Peserta merakam gambar bersama-sama pihak UTM Mukah dan MYSED dalam program tersebut.

Kitar sisa dapur jadi sabun

| NUR FARIHAN RAZALI
suarasarawak.news@gmail.com

MUKAH: Setatus peserta menyertai Program Komuniti Belia: Pemindahan Ilmu Mengurus Sisa Dapur Menjadi Produk Kompos dan Sabun di Dewan Masyarakat Kecil Igan, ketmarin.

Program ini dianjurkan oleh Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Mukah dengan kerjasama Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak (MYSED).

Penyarah Kanan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi Nurul Hidayah Mohd Khairani berkata, tujuan program

ini diadakan adalah untuk menyampaikan maklumat pengurusan alam sekitar dan kepentingan kitar semula sisa dapur kepada warga komuniti belia di Sarawak.

"Selain itu, program ini juga melibatkan perkongsian kepakaran dan ilmu kepada mereka mengenai kitar semula sisa dapur dan minyak masak terpakai supaya ia dapat dijadikan kompos berkualiti serta produk sabun.

"Sebagai pengisian program, saya berkeinginan mengenai pembuatan baja kompos daripada sisa dapur, manakala penyarah Ts Mohd Hafizz Wandi telah berkeinginan mengenai kepakaran membuat sabun daripada minyak

masak terpakai," katanya. Mengulas lanjut, katanya, peserta berpeluang untuk membuat sendiri baja kompos dan produk sabun daripada sisa dapur dan minyak yang terpakai.

Pada masa sama, demonstrasi pembuatan baja kompos dan sabun diselia oleh pelajar Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Mukah.

Sepanjang program ini diadakan, pihak UiTM Kampus Mukah turut membuka pameran Teknologi Sains dan Matematik serta Misi Akademik.

"Pameran ini adalah untuk membolehkan peserta terlibat dengan pelbagai aktiviti seperti simulasi penggunaan mikroskop, mikroskop dan permainan

berkonsepkan pendidikan sains.

"Di samping itu, peserta dan komuniti setempat boleh mendapatkan maklumat di kaunter Misi Akademik berkenaan syarat-syarat menyambung pengajian dan program yang ditawarkan di UiTM Mukah," jelasnya.

Majlis perasmian dan penutupan program ini disempurnakan oleh Kaunselor Majlis Daerah Matu dan Daro Abdul Rahim Majlis mewakili Ahli Dewan Undangan Negeri Jemoreng Datuk Dr Juanda Jaya.

Ketua Penolong Setiausaha MYSED Zulkarnain Ismail dan Ketua Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi UiTM Mukah Muhammad Syukrie Abu Talip turut hadir.



Program ini juga melibatkan perkongsian kepakaran dan ilmu kepada mereka mengenai kitar semula sisa dapur dan minyak masak terpakai supaya ia dapat dijadikan kompos berkualiti serta produk sabun.



ANTARA aktiviti yang dilaksanakan dalam Program Komuniti Belia: Pemindahan Ilmu Mengurus Sisa Dapur Menjadi Produk Kompos dan Sabun.



Turn kitchen waste into green products

MUKAH: A Youth Community Programme focusing on transforming kitchen waste into compost and soap attracted 100 participants at the Igan Community Hall last Thursday.

The event, a collaboration between the Science, Plantation, and Agrotechnology Study Center of Universiti Teknologi Mara (UiTM) Mukah Campus and the Sarawak Ministry of Youth, Sports, and Entrepreneur Development (MYSED), aimed to educate young

Sarawakians about environmental management and recycling.

"This programme is designed to educate the youth about the importance of recycling kitchen waste. We also provide practical knowledge on how to convert waste and used cooking oil into quality compost and soap," said Nurul Hidayah Mohd Khairlani, a senior lecturer at UiTM's Faculty of Plantation and Agrotechnology.

Participants had hands-on experience in making compost

and soap from kitchen waste and used oil, under the guidance of faculty members including Ts Mohd Hafizz Wondi, who shared his soap-making expertise.

The programme also featured an exhibition by UiTM Mukah Campus, showcasing Science and Mathematics Technology and Academic Mission.

"The exhibition allows participants to engage in activities such as using micropipettes and microscopes and playing science


education games. Additionally, our Academic Mission counter provides information on study opportunities at UiTM Mukah," added Hidayah.

The programme was inaugurated and concluded by Matu Daro District Council councillor Abdul Rahim and Jemoreng assemblyman Datuk Dr Juanda Jaya, respectively.

Also present were MYSED chief assistant secretary Zulkarnain Ismail and Muhammad Syukrie Abu Talip, Head of Science, Plantation, and Agrotechnology at UiTM Mukah.




AMONG the activities carried out in the Youth Community Programme: Transferring Knowledge of Managing Kitchen Waste into Compost and Soap Products.





Artikel berkenaan Program Keusahawanan dan Inovasi Belia 2024 yang telah dijalankan oleh UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Terbitan akhbar Suara Sarawak



Telephone/Fax
084-876100/084-876300



Email Address
korporat_swk@uitm.edu.my




Website
<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address
**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

eISSN 2976-257X



9 772 976 257 009

